Siasah Syar'iyyah

Annuar Salleh

Malayan Version

Dikutip dari: http://siasahharokiah.wordpress.com/

Daftar Isi

2. Pengantar

Pengantar.

Islam merupakan satu *al-Din;* sebagaimana ditakrifkan oleh Imam al-Banna:

> " Islam adalah sistem hidup yang menyeluruh yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Islam adalah negara dan tanahair atau pemerintah dan rakyat. Islam adalah akhlak dan kekuatan atau rahmat dan keadilan. Islam adalah kebudayaan dan undang-undang atau ilmu dan kehakiman.Islam adalah kebendaan dan harta atau usaha dan kekayaan. Islam adalah jihad dan dakwah atau tentera dan fikrah. Sebagaimana ia adalah aqidah yang benar dan ibadah yang sah, sama sahaja". [1]

Sistem politik adalah sebahagian daripada Islam yang *syumul*, namun begitu sistem politik yang berasaskan kepada syarak adalah berbeza dengan sistem politik masa kini yang berasaskan kepada fahaman sekular. Pendedahan kepada sistem politik Islam merupakan suatu perkara asas kepada masyarakat ke arah memahami hakikat pemerintahan Islam. Politik Islam dalam istilah *fuqaha'* ialah *siyasah syariyyah*.

Perkataan *siyasah* pada penggunaannya di sudut bahasa bermaksud:

> `mentadbir sesuatu perkara dengan baik' atau ` pemerintah mentadbir urusan rakyat'.[2]

Para *fuqaha'* pula mentakrifkannya sebagai :

> "Tindakan pemerintah terhadap sesuatu perkara kerana suatu kemaslahatan walaupun tindakan itu tidak mempunyai dalil pada juzuknya".

Dalam penakrifan lain

> " Menguruskan kemaslahatan manusia dengan mengikut ketentuan syarak".

Kebanyakan tulisan yang berkaitan dengan *siyasah syar`iyyah* mendefinasikan pengertian *siyasah* dengan definasi yang tidak lari daripada kedua-dua penakrifan di atas.

Oleh itu ilmu *siyasah syar`iyya*h ialah ilmu yang membincangkan mengenai pentadbiran sebuah kerajaan Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem yang berasaskan kepada asas-asas Islam atau sebagaimana pernyataan Abdul Wahab Khallaf:

> "Mentadbir urusan umum bagi daulah Islamiah dengan perkara yang membawa kebaikan kepada manusia dan mengelakkan kemudaratan daripada mereka dengan tidak melanggar sempadan syarak dan asas-asas kulliah walaupun dalam perkara yang tidak disepakati oleh ulama' mujtahidin".[3]

Kandungan perbincangan *siyasah syar`iyyah* ialah sistem, peraturan dan undang-undang yang diperlukan dalam urusan sesebuah negara yang bertepatan dengan asas-asas agama dan dapat mencapai kemaslahatan kepada manusia dan dan menunaikan segala keperluan mereka.

Perbincangan ulama-ulama silam mengenai *siyasah syar`iyyah* dalam kitab-kitab mereka adalah bertujuan untuk menjelaskan kepada pemerintah ketika itu khususnya dan kepada ummah amnya mengenai ilmu-ilmu pentadbiran Islam sebagaimana Abu Yusuf menulis kitab *al-Kharaj*, al-Juwaini menulis kitab *al-Ghiyasi, Ghiyas al Umam Fi Tayas Ahl al-Dzalam*, al-Mawardi menulis kitab al-*Ahkam al-Sultaniyyah,* Ibn Taimiyyah menulis *Siyasah Syar`iyyah Fi Ra`i wa al-Ra`iyyah*, Ibn Qayyim menulis kitab *Turuk al-Hukmiyyah*, Ibn Jamaah menulis kitab *Tahrir al-Ahkam Fi Tadbir Ahl al-Islam* dan begitu juga ulama mutakhir seperti Abdul Wahhab Khallaf menulis kitab *Siyasah Sayariyyah Fi Syuun Al-Dusturiyah wa al-Kharijiah wa al-Maliyah*.

Perbezaan corak penulisan ulama silam dan penulisan ulama mutakhir ialah pendekatan ulama silam lebih detail sebaliknya penulisan ulama mutakhir lebih kepada menjadi pengantar dan menonjolkan fakta sejarah dengan menekankan bahawa *siyasah syar`iyyah* boleh dilaksanakan dan perlu dijadikan asas pemerintahan yang adil disepanjang masa.

[1] Hassan al-Banna; *Risalah al-Ta'lim.*

[2] *Mu'jam al-Wajiz*, Majma' Al-Lughah al-Arabiyah (1980) .

[3] Abdul Wahab Khallaf : *Siyasah Syar`iyyah Aw Nizam al-Daulah Islamiyah Fi Syuun al-Dusturiyah wa al-Kharijiah wa al-Maliyah*; Kaherah, Dar al-Ansar, m.s. 18

3. Muqaddimah

Siyasah Syar`iyyah merupakan satu ilmu yang berkaitan dengan implimentasi tugas *khalifah* Allah di muka bumi ini. Ia adalah tugas asasi manusia dijadikan dan dihidupkan di dunia ini. Pada hakikatnya tugas ini bukan sekadar mentadbir urusan manusia tetapi sebelum itu, ia juga berkaitan dengan bagaimana hendak menjadikan manusia boleh ditadbir oleh sebuah pentadbiran yang berasaskan kepada undang-undang dan peraturan Syariat Islam. Bagaimanakah hendak menjadikan manusia yang jahil terhadap hakikat ketuhanan dan perundangannya boleh menerima hukuman Allah dalam kehidupan mereka yang bercanggah dengan kepentingan nafsu dan pemikiran mereka yang sempit? Bagaimana hendak mendisiplinkan manusia yang hidup dengan neraca pemikiran yang berbeza yang berasaskan kepada kebendaan semata-mata kepada hidup di bawah disiplin Islam yang berasaskan kepada neraca tauhid?

Persoalan ini ingin menonjolkan bahawa ilmu dan amalan *siyasah syar`iyyah* yang sebenarnya bermula daripada proses dakwah rasulullah s.a.w mengajak manusia agar menerima ketuhanan Allah dan hak-hak *Uluhiyyah* dan *Mulkiyah*Nya semasa di Mekah lagi sehinggalah hari kiamat. Oleh kerana ilmu berkaitan dengan fiqh ini mula disusun pada zaman pemerintahan Islam maka ulama ketika itu telah menyempitkan perbincangan mereka kepada aspek-aspek kenegaraan yang merupakan keperluan pelaksanaannya ketika itu.[1]

Lantaran itu topik perbincangan siyasah syariyyah di dalam kitab-kitab terdahulu mengandungi bidang perbincangan yang berkaitan dengan kenegaraan dan pemerintahan seperti ; perlembagaan negara, sistem pemerintahan, tanggungjawab pemerintah dan hak-haknya, hak-hak rakyat, undang-undang dan kehakiman, dasar-dasar negara dalam seluruh aspek; kewangan, pendidikan, pembangunan, keselamatan dan hubungan luar sahaja, dalam erti kata tidak memasukkan aspek-aspek siyasah dakwah, siyasah tarbawiyah dan pembinaan daulah dalam perbincangan mereka.

Oleh itu para ulama dalam membicarakan mengenai siyasah syar`iyyah hanya membincangkan mengenai ilmu yang berkaitan dengan peraturan dan disiplin pembentukan sesebuah kerajaan dan pemerintahan yang berasaskan syaria`at Islam. Perbincangannya termasuklah perkara berkenaan hukum melantik pemerintah, sifat-sifat seseorang pemerintah, cara perlantikannya, tujuan perlantikannya atau tanggungjawab seseorang pemerintah dan juga cara-cara pemerintahan, perkara yang

menjadi asas perlantikan para pekerja, mentadbir sumber pendapatan dan perbelanjaannya, menyelesaikan pertikaian, menegakkan keadilan dan mewujudkan segala sistem yang berkaitan.

Pada sudut yang lain penulisan siyasah syar`iyyah atau pemerintaha Islam adalah untuk menjelaskannya sebagai satu alat yang amat penting bagi menegakkan *maqasid syarak* di samping juga merupakan simbul perhambaan sebenar manusia kepada Allah yang dipertanggungjawabkan untuk mengabdikan diri mereka kepada-Nya terutamanya sebagai khalifah Allah di dunia ini dalam erti kata sebagai pemerintah sebuah kerajaan.

Tidak di nafikan bahawa dalam melaksanakan tugas khalifah ini rasulullah s.a.w juga merupakan rujukan sebenar kepada ummah dalam mentadbir urusan umum; sama ada dalam urusan perundangan, kehakiman dan juga eksekutif. Dasar rasulullah s.a.w. dalam semua urusan ini ialah wahyu yang diturunkan Allah kepadanya dan juga ijtihad dalam melihat perkara yang mendatangkan kebaikan kepada ummah. Rasulullah s.a.w. juga sentiasa bermesyuarat dengan para sahabat baginda dalam perkara yang tiada nas. Sebagaimana rasulullah s.a.w. menjadi rujukan semasa baginda menjadi pemerintah di Madinah rasulullah s.a.w. juga merupakan rujukan ummah ketika gerakan Islam masih lemah di Mekah.

Dengan ini rasulullah s.a.w. telah meninggalkan asas-asas yang kukuh kepada umatnya sebagai panduan dalam mentadbir urusan mereka iaitu al-Quran dan al-Sunnah kemudian baginda menunjuk jalan ketiga ketika sesuatu masalah tidak terdapat penyelesaiannya dalam al-Quran dan al-Sunnah iaitu berijtihad. Satu perkara yang penting ketika membuat satu-satu keputusan rasulullah s.a.w. jarang berijtihad bersendirian tanpa mengambil pandangan para sahabatnya. Sebaliknya baginda akan sentiasa bermesyuarat dengan sahabat-sahabatnya dalam semua urusannya. Banyak pendapat-pendapat para sahabat R.A. dan diterima oleh rasulullah s.a.w. dan dipakai dalam banyak situasi. Tindakan rasulullah s.a.w. ini telah menggariskan sunnah kepada umatnya agar menggunakan pemikiran untuk berijtihad dalam menghadapi masalah yang tidak ada nas.

Semasa hidupnya, rasulullah s.a.w. selalu mengaitkan sesuatu hukum dengan *`illah* dan kemaslahatannya kepada manusia dengan ini rasulullah sa.w. menunjukkan hubungan sesuatu hukum dengan maslahat dan menarik perhatian kepada bahawa matlamat syarak ialah sama ada mendapatkan kemaslahatan kepada manusia atau menghindarkan keburukan daripada mereka.

Tindakan rasulullah s.a.w. ini telah meniupkan satu kefahaman dan kesedaran ke dalam jiwa umat Islam bahawa matlamat syari`at Islam ialah mendapatkan kemaslahatan dan kebaikan untuk manusia dan mengelakkan kerosakan dan keburukan daripada mereka.

Ternyata ruh inilah yang menjadi asas perjalanan khulafa' al-Rasyidin R.A. selepas kewafatan rasulullah s.a.w. dalam mentadbir urusan ummah dalam kerajaan Islam. Seluruh tindakan mereka berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dan apabila berlaku peristiwa baru yang tidak ada di dalam al-Quran maupun al-Sunnah mereka berijtihad menggunakan pemikiran dan kefahaman mereka seterusnya mengambil tindakan atau hukuman yang mereka dapati terdapat padanya kemaslahatan ummah dan tidak bercanggah dengan ruh Islam.

Banyak ijtihad-ijtihad mereka berbeza dengan ijtihad sahabat-sahabatnya, malah kadang-kadang boleh difahami bahawa ijtihad mereka bersalahan dengan dzahir nas, walaupun begitu tidak seorangpun mujtahid dikalangan mereka yang menganggap mereka terkeluar daripada kebenaran selagi matlamat ialah mendapatkan kemaslahatan dan menegakkan keadilan Allah dan menggunakan ijtihad.

Abu Bakar R.A. telah berijtihad dan memerangi golongan yang enggan mengeluarkan zakat dan melantik Umar al-Khattab R.A. sebagai khalifah selepasnya. Umar al-Khattab R.A. berijtihad dan menyerahkan urusan perlantikan khalifah kepada enam orang sahabat. Beliau juga berijtihad, tidak memberikan zakat kepada segolongan muallaf, begitu juga beliau tidak membahagikan tanah Iraq dan Syam kepada tentera, menjadikan talak tiga dengan satu lafaz jatuh talak tiga dan sebaginya. Uthman bin `Affan R.A. menanbah azan kedua pada hari Jumaat dan mewajibkan ummah hanya berpegang kepada satu mashaf. Ali Abu Thalib k.w. berijtihad dan menghukum golongan *rafidah* dengan membakar mereka hidup-hidup.[2]

Begitu juga dalam urusan kehakiman dan cara-cara mesabitkan jenayah, mereka menggunakan apa sahaja dalil yang mententeramkan jiwa mereka yang boleh membawa kepada keadilan dan kebenaran tanpa melihat kepada dalil-dalil khusus. Umar al-Khattab R.A. telah menjatuhkan hukuman rejam kepada seorang wanita yang ternyata hamil tetapi beliau tidak mempunyai suami atau tuan dengan berpada kepada tanda-tanda zahir sahaja begitu juga memotong tangan pencuri dengan menggunakan qarinah barang curi berada di tangannya[3] . Semua ijtihad Khulafa' al-Rasyididn ini adalah berasaskan untuk memastikan kemaslahatan ummah terlaksana dan mengelakkan kemudaratan daripada mereka.

Selepas zaman ini para ulama telah berijtihad dan meletakkan beberapa syarat dan garis panduan kepada maslahat yang di iktibar oleh syarak. Begitu juga mereka meletakkan syarat-syarat yang ketat dalam beramal dengan maslahat yang tidak diktibarkan syarak penerimaannya atau penolakannya. Sesungguhnya syarat-syarat ini telah mengikat kebebasan para mujtahid dan menyempitkan ruang-ruang ijtihad dan menutup banyak peluang untuk mengggunakan *masalih al-mursalah* atau *al-Istislah* sebagai asas dalam banyak perkara yang tidak dinaskan. Walaupun begitu ada dikalangan ulama yang keluar daripada kesempitan ini dengan menerima *al-Istihsan dan I'tibar al-Maalat* sebagai asas mengeluarkan hukum-hukum syarak.

Kelemahan fiqh Islam semakin memuncak dengan tindakan para ulama menutup pintu-pintu ijtihad dan mewajibkan ummah bertaqlid kepada hukum-hukum yang telah di putuskan oleh ulama silam tanpa melihat kepada perbezaan masa dan tempat. Lantaran itu berlaku perbezaan antara hukum-hukum fiqh dengan kemaslahatan manusia dalam banyak urusan hidup .[4]

Apabila khalifah Islam jatuh ditangan kuasa sekular, negeri-negeri Islam dijajah oleh Barat beratus tahun lamanya telah menjadikan umat Islam berada di antara kesempurnaan syariat tetapi tiada kuasa perlaksanaan. Akhirnya yang menjadi amalan umat Islam hanyalah hukum-hukum ibadah yang berkaitan dengan rukun-rukun Islam dan perkahwinan sahaja. Ilmu-ilmu berkaitan dengan, munakahat, kewangan dan muamalat Islam, hukum-hukum jenayah, siyasah syar`iyyah, amar makruf dan nahi munkar, dakwah dan jihad tidak lagi menjadi ilmu asasi yang diajar kepada umat Islam dan umat manusia di sebabkan bertentangan dengan konsep sekularisma.

Dalam buku ini saya berusaha untuk mendedahkan kepada pembaca pandangan ulama silam mengenai siyasah syariyyah sebagai asas kepada memahami sistem poitik menurut kaca mata Islam.

Annuar Salleh
Oktober 1999
Jamadil Akhir 1420.
Kuala Lumpur.

[1] Perbincangan mengenai aspek-aspek siyasah syariyyah di zaman Makkiah dan Masa Kini akan dibincangkan oleh penulis dalam buku ke 3.
[2] Ibn Qayyim; Al-Turq al-Hukmiyyah; Kaherah, Matbaah Al-Madani, m.s. 18
[3] Ibn Qayyim, ibid. Lihat juga ; Abdul Wahhab Khallaf, opcit m.s. 11.
[4] Abdul Wahab Khallaf, ibid.

4. Definasi Siyasah

Perkataan *siyasah* pada penggunaannya di sudut bahasa bermaksud 'mentadbir sesuatu perkara dengan baik' atau 'pemerintah mentadbir urusan rakyat'.[1]

Perkataan *Syari`ah* berasal dari perkataan "***Syari`at***" dalam bahasa Arab, yang dalam penggunaan biasanya dimengertikan sebagai 'sumber air minum atau pembawaan yang jelas'[2]. Perkataan 'Syari`ah' juga dipakai oleh al-quran dalam banyak ayat antaranya ada yang bermaksud sebagai peraturan hidup yang terkandung dalam suruhan dan larangan dan ada juga yang bermaksud seluruh ajaran agama yang merangkumi aspek keimanan, perundangan dan akhlak.

Manakala 'Syari`at Islam' ialah seluruh apa yang disyari`atkan oleh Allah di dalam agama sama ada dengan wahyu atau dengan sunnah rasul saw. Ianya termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan persoalan akidah dan keimanan, akhlak-akhlak yang mulia dalam perhubungan sesama anggota masyarakat dan hukum-hukum Allah yang berkaitan dengan perbuatan para mukallaf sama ada halal, haram, wajib, sunat dan harus yang dikenali sebagai fiqh dan juga perundangan Islam.[3]

Definasi Siyasah Syar`ieyyah Menurut Istilah

Para fuqaha' pula mentakrifkannya sebagai: "Tindakan pemerintah terhadap sesuatu perkara kerana mendapatkan suatu kemaslahatan walaupun tindakan itu tidak mempunyai dalil pada juzu'nya." Dalam penakrifan lain mereka berkata: "Menguruskan kemaslahatan manusia dengan mengikut ketentuan syarak."

Kebanyakan tulisan yang berkaitan dengan *siyasah syar`ieyyah* mendefinasikan pengertian *siyasah* dengan definasi yang berkisar di atas kedua-dua takrif tersebut.

S*iyasah syar`ieyyah* ialah ilmu yang membincangkan mengenai pentadbiran sesebuah kerajaan Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem yang berasaskan kepada asas-asas Islam atau mentadbir urusan umum daulah Islamiah dengan cara yang membawa kebaikan kepada manusia dan mengelakkan mereka daripada kemudharatan, tanpa melanggar sempadan syarak dan asas-asas *kulliah* walaupun dalam perkara yang tidak disepakati oleh ulama' mujtahidin.[4]

Oleh itu topik perbincangan *siyasah syar`ieyyah* dikalangan para *fuqaha'* ialah sistem, peraturan dan undang-undang yang diperlukan di dalam mengurus sesebuah negara bertepatan dengan asas-asas agama bagi menjamin pencapaian kemaslahatan kepada manusia, menunaikan segala keperluan mereka dan menjauhkan mereka daripada kemudaratan dunia dan akhirat.

[1] Mu'jam al-Wajiz.

[2] ***Al-Mu'jam al-Wasit*** dan ***Mukhtarus-Sahah*** dibawah perkataan `Syara`a'

[3] Lihat: Muhammad Yusuf Musa: ***Al-Madkhal Li-Dirasah al-Fiqh al-Islami***, Dar al-Fikr al-`Arabi,1961.

[4] Abdul Wahab Khallaf: *Siyasah syar`ieyah Aw Nizam al-Daulah Islamiyah Fu SyuUn al-Dusturiyah wa al-Kharijiyah wa al-Maliyah*; Kaherah, Dar al-Ansar. Hal.18

5. Keadilan Siyasah Syariyyah

Syari`at Islam telah menggariskan asas-asas pemerintahan yang menjamin keadilan kepada manusia sejagat dan mampu memandu manusia mendapatkan kemaslahatan dan keperluan hidup mereka di mana sahaja mereka berada dan di zaman mana mereka hidup sekalipun. Sumber pemerintahan Islam iaitu al-Quran al-Karim, telah menggariskan asas-asas yang menyeluruh yang menjadi dasar kepada sistem dan pentadbiran sesebuah kerajaan.

Walau bagaimanapun al-Quran tidak me*nas*kan secara detail bentuk-bentuk atau cara-cara perlaksanaan sesuatu pemerintahan sebaliknya dibiarkan kepada ummah untuk menentukannya sendiri bentuk pemerintahan yang sesuai dengan keperluan dan kemaslahatan mereka. Keadaan ini menjadikan syari`at Islam lebih anjal dan dapat menyahut keperluan manusia yang berubah-ubah yang disebabkan oleh perubahan masa dan tempat.

Al-Quran menegaskan bahawa dunia dan segala isinya adalah ciptaan Allah dan milik mutlak-Nya. Al-Quran juga menjelaskan bahawa kuasa pemerintahan tertinggi adalah Allah S.W.T.[1] Di samping itu Al-Quran juga menegaskan bahawa manusia dilantik oleh Allah sebagai khalifahnya di muka bumi[2] . Lantaran itu mereka hendaklah menunaikan tugas-tugas khalifah ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam al-Quran[3] . Al-Quran juga memerintahkan manusia dan mereka yang dilantik menjadi pemimpin supaya melaksanakan segala kewajiban mereka yang telah diamanahkan oleh Allah kepada mereka. Untuk itu al-Quran menaskan tentang kewajiban berlaku `adil dan memelihara keadilan sesama manusia[4] , kewajiban bersyura [5], memelihara hak-hak persamaan manusia[6], mbawa Rahmat kepada manusia[7], melarang melakukan kemusnahan[8], memerintahkan supaya menunaikan amanah dan janji[9] dan asas-asas hubungan luar.[10]

Begitu juga dalam hukum-hukum jenayah al-Quran hanya menentukan hukuman kepada lima jenis jenayah sahaja iaitu; jenayah hirabah [11], membunuh dengan sengaja tanpa hak atau tidak senganja [12] , menuduh orang-orang beriman melakukan zina[13] , jenayah berzina[14] dan pencuri[15]. Lain-lain jenayah tidak ditentukan hukumannya oleh al-Quran sebaliknya diserahkan kepada pemerintah untuk menentukannya mengikut apa yang dilihatnya bermadai untuk memelihara keamana, menyedarkan pesalah dan menakutkan orang ramai daripada melakukan jenayah tersebut. Ini ialah kerana akan wujud perbezaan keperluan antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Allah SWT hanya menggariskan asas umum iaitu balasan hendaklah setimpal dengan kadar jenayah[16].

Dalam undang-undang mu`amalat al-Quran hanyalah bermadai dengan mengharuskan pertukaran perkara yang diperlukan dan mengelakkan kemudaratan manusia dengan menghalalkan berjual beli, sewa-menyewa, gadaian dan akad-akad muamalat lain disamping Syari`at menunjukkan asas kepada muamalat ini iaitu wujudnya keredaan antara orang yang berakad. Begitu juga al-Quran mengharamkan mu`amalat yang boleh membawa kepada permusuhan seperti riba, judi, monopoli, rasuah dan merampas harta orang lain tanpa hak. Malah adalah menjadi asas dalam urusan muamalat ini bahawa sesuatu itu diharuskan sehinggalah wujud dalil yang mengharamkannya. [17]

Dalam sistem kewangan Islam mewajibkan pengeluaran zakat kepada orang-orang yang memiliki kekayaan dan menafkahkannya kepada lapan golongan yang memerlukan.[18] Walau bagaimanapun cara perlaksanaannya masih mempunyai ruang-ruang ijtihad para ulama dan pemimpin ummah dengan berpandukan asas-asas syarak.

Apa yang ingin ditonjolkan di sini ialah Allah S.W.T. telah menggariskan asas-asas penting sebagai panduan dan rujukan umat Islam dalam mentadbir sesebuah kerajaan. Sebaliknya Allah SWT tidak menggariskan sistem hidup dan prosedur-prosedur perlaksanaannya secara detil dengan menyempitkan ruang ijtihad kepada manusia. Keadaan syari`ah yang seumpama ini telah memberi ruang yang luas kepada ummah untuk menyusun sistem hidup mereka sesuai dengan perkembangan kehidupan, penemuan-penemuan ilmu dan teknologi dan budaya hidup mereka selagi ianya tidak terkeluar daripada batasan syarak. Namun begitu keadilan hidup untuk manusia sejagat hanya dapat ditegakkan sekiranya manusia menghormati asas-asas yang telah diletakkan oleh Allah SWT ini.

Keadilan ini juga akan terlaksana sekiranya pemilihan kepimpinan dilaksanakan oleh ummah sebagaimana yang ditunjukkan oleh syarak iaitu melalui kaedah *syura* dan *bai`ah ahli al-halli wa al`qdi* yang memenuhi syarat-syaratnya. Keadilan Islam hanya akan terlaksana sekiranya kepimpinan sesebuah negara beriman terhadap tanggungjawab sebagai khalifah dan tanggungjawab melaksanakan pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

Begitu juga keadilan Islam ini dapat dilihat di dalam syariatnya yang memperuntukkan hak-hak tertentu kepada rakyat . Islam mengiktiraf hak-hak persamaan sesama manusia dan juga hak-hak individu dalam urusan politik dan kemasyarakatan antaranya ialah:

Kebebasan Syakhsiah

Kebebasan ini bermaksud Islam memberi hak kepada setiap individu untuk melakukan apa sahaja untuk kemaslahatan dirinya, seperti memelihara keselamatan diri, harta dan maruah dengan syarat tindakannya itu tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain. Ini termasuklah kebebasan diri, kebebasan tempat tinggal, kebebasan pemilikan, kebebasan kepercayaan, kebebasan berfikir dan kebebasan belajar. Maka untuk menjamin hak-hak ini maka Islam mengiktiraf dan memeliharanya dan merupakan hak yang sayugia di berikan oleh pemerintah kepada rakyatnya sama ada Islam atau ahli zimmah.

Kebebasan Peribadi

Hukum-hukam Islam mengiktiraf hak-hak ini dan memelihara setiap diri individu daripada dicerobohi oleh orang lain dengan menentukan batas-batas halal dan haram, perintah dan larangan yang berkaitan dengan memelihara keperibadian setiap individu seperti diharamkan membuat tuduhan palsu, membunuh dan sebagainya dengan ditentukan hukuman yang setimpal. Ada hukuman yang telah ditentukan oleh syarak dan ada yang diserahkan kepada pemimpin untuk menentukan bentuk hukuman yang sesuai yang dinamakan *takzir*. Setiap jenayah merupakan pelanggaran terhadap batasan Allah dan hukumnnya juga sabit dengan ketentuan syarak.

Begitu juga Islam memerintahkan agar hukuman dijatuhkan sekadar jenayah yang dilakukan. Dalam perkara ini islam menentukan batas-batas kebebasan manusia dengan mengharamkan berzina, minum arak, menuduh seseorang berzina, saksi palsu dan sebagainya. Kesemua kesalahan ini telah ditentukan hukumannya dan semua rakyat termasuklah ahli zimmah tertakluk kepada hukum-hukum Islam yang berkaitan dengan perkara ini kecuali kesalahan meminum arak.[19]

Kebebasan Tempat Tinggal

Pencerobohan kepada tempat tinggal manusia termasuk di dalam golongan yang memerangi Allah dan rasulnya.

Begitu juga Islam mewajibkan meminta izin sebelum memasuki sesuatu rumah yantg bukan miliknya.[20]

Kebebasan Bekerja Dan Meniliki Harta

Islam mengiktiraf hak-hak ini dan memeliharanya dengan pelbagai hukum-hakamnya, antaranya:

Islam mensyariatkan berbagai tindakan yang boleh menindahkan milik atau manfaat seperti jual beli, sewa-menyewa, hutang-piutang, gadaian, pelaburan, syarikat dan sebagainya. Seterusnya Islam meletakkan asas kepada sahnya pertukaran ini dengan wujudnya kebebasan, keradaan dan pemilihan antara mereka yang membuat urusan ini.

Islam juga menegaskan haram memakan harta orang lain dengan cara yang batil.

Begitu juga Islam menentukan hukuman yang berat kepada mereka yang mencuri.

Kebebasan Beri'tiqad Kepada Bukan Islam

Islam mengiktiraf hak ini kepada rakyat bukan Islam untuk meneruskaan kepercayaan mereka.[21] Ini ialah kerana asas keIslaman ialah kejelasan dan penerimaan tanpa paksaan atau taqlid.

Lantaran itu Islam membenarkan penganut agama lain melaksanakan amalan keagamaan mereka ditempat-tempat ibadat mereka dan menzahirkan perayaan mereka ditempat-tempat mereka. Walau bagaimanapun mereka tidak dibenarkan membina tempat ibadah baru di dalam tanah Islam atau menzahirkan perayaan mereka di sana.[22]

Kebebasan Berfikir

Kebebasan berfikir ini sam ada dalam urusan keagamaan atau urusan lainnya. Sekiranya perkara yang tidak berkaitan dengan urusan agama maka setiap individu berhak untuk berfikir dan menyatakan pandangannya dengan cara yang mudah baginya. Telah berlaku dizaman Islam rasulullah s.a.w menerima pandangan sahabatnya dalam peperangan dan sebagainya.

Manakala dalam perkara yang berkaitan dengan agama maka setiap manusia berhak untuk berijtihad selagi ijtihadnya dalam perkara yang tidak ada nas mengenainya dan hendaklah ijtihad mereka berasaskan kepada asas-asas agama yang umum.

Manakala peristiwa penutupan pintu ijtihad dan mewajibkan umat Islam bertaqlid kepada mana-mana imam mujtahidin pada satu ketika dahulu adalah bertujuan untuk menutup pintu-pintu huru hara yang disebabkan terlalu banyak perselisihan pendapat. Apabila umat Islam berjaya menghadapi suasana perselisihan pendapat dengan dada

yang terbuka dan berhujjah dengan hujjah maka tidak ada sebab mengapa tidak dibenarkan untuk berijtihad dalam perkara baru yang tiada nas.

Termasuk di dalam hak-hak ini ialah kebebasan untuk berucap, menulis, berhimpun dan sebagainya sama ada dalam ucapan itu terdapat kritikan kepada pemimpin dan pegawainya malah orang-orang bukan Islam berhak menyatakan pandangan mereka mengenai sikap umat Islam dan agama Islam. Malah umat bukan Islam boleh berpindah dari satu agama keagama lain.

Kebebasan Menuntut Ilmu

Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu pengetahuan. Semua ilmu yang membawa kepada kemaslahatan ummah adalah dituntut oleh syarak supaya dipelajari lelaki maupun perempuan. Orang bukan Islam juga tidak dihalang untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam disekolah-sekolah Islam.

Persamaan Hak

Syiar persamaan hak merupakan syiar yang nyata dalam Islam . Islam tidak membezakan antara seseorang dengan seseorang yang lain sama ada rakyat maupun pemerintah. Kesemuanya adalah sama dihadapan perintah Allah dan hukum-hukumnya. Persamaan ini juga merupakan hak-hak ahli zimmah yang dipelihara oleh syarak. Walaubagaimanapun dalam kes-kes tertentu seperti menjadi pemimpin dan melantik pemimpin maka ahli zimmah tidak dibenarkan.

Ini ialah kerana sistem pemerintahan Islam berbeza dengan sistem pemerintahan sekular yang menjadikan asas-asas taqwa dan ijtihad sebagai syarat menjadi ahli al-halli wa al-`aqdi dan pemimpin.

Walaupun begitu rakyat bukan Islam berhak melantik wakil-wakil mereka diperingkat pelaksanaan bagi menuntut hak-hak mereka dan mereka juga dibenarkan untuk menggubal perundangan yang berkaitan dengan masyarakat mereka seperti dalam hal-hal yang berkaitan dangan perkahwinan.[23]

[1] Surah al-Mulk ,ayat 1-2.
[2] Lihat Surah al-Baqarah ayat 30.
[3] Lihat Surah al-Haj ayat 41, Surah al-Maidah ayat 48 dan Surah Sad ayat 26.
[4] Lihat Surah al-Nisa' ayat, 85; al-Nahl ayat 90; al-Hujurat ayat 9.
[5] Lihat Surah Ali Imran ayat 159 dan Al-Syura ayat 38.
[6] Lihat Surah al-Hujurat ayat 9 dan 10.
[7] Lihat Surah al-Anbiya' ayat 107.

[8] Lihat Surah al-A'raf ayat, 56 dan 85
[9] Lihat Surah al-Maidah ayat 1., surah al-Nahl ayat 91, dan surah al-Isra' ayat 34.
[10] Lihat Surah al-Haj ayat 39,40; surah al-Baqarah ayat 90 dan 193; al-Anfal ayat, 39 dan 61; al-Taubah ayat 12,13 dan 96
[11] Lihat Surah al-Maidah ayat 33.
[12] Lihat Surah al-Baqarah ayat 178 dan a79; surah al-Nisa' ayat 92 , Surah al-Maidah ayat 45 dan surah al-Isra' ayat 33.
[13] Surah al-Nur ayat 4.
[14] Lihat Surah al-Nur ayat 2.
[15] Lihat Surah al-Maidah ayat 38.
[16] Lihat Surah al-Nahl ayat 126.
[17] Lihat Surah al-Baqarah ayat 188, 275 dan 276, Ali Imran ayat 130, Al-Nisa' ayat 2 ,10 dan 28.
[18] Lihat Surah al-Taubah ayat 60 dan103
[19] Al-Maududi; *Huquq Ahli Zimmah Fi al-Daulah al-Islamiyah*, Kaherah Dar al-Ansar.
[20] Lihat surah al-Nur ayat, 27,28 dan 29.
[21] Lihat Surah al-Baqarah ayat 256.
[22] Al-Maududi; op.cit.
[23] Ibid.

6. Tujuan Siyasah Syariyyah

Pemerintahan hanyalah wasilah bukannya matlamat iaitu wasilah untuk menegakkan perintah Allah dan melaksanakan amanahnya bagi membawa rahmat keseluruh alam. Sebagaimana firman Allah:

"Dan tidak kami utuskan engkau wahai Muhammad melainkan untuk membawa rahmat keseluruh alam." (Al-Anbia': 107)

Firman Allah yang bermaksud:

"Mereka yang kami berikan kekuasaan di muka bumi, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh kepada makruf dan mencegah daripada munkar dan kepada Allah kembali segala urusan." (Al-Haj: 41)

Tujuan *siyasah syar`ieyyah* ialah untuk melaksanakan ***maqasid syarak*** iaitu yang terkandung di dalam perkara yang berkaitan dengan ***'jalb al-masalih'*** (mendapatkan kemaslahatan kepada manusia) dan ***'dar' al-mafasid'*** (menghilangkan kemudaratan daripada mereka.)

Maqasid Syarak inilah; tujuan Allah menurunkan Syariat Islam kepada manusia. Syariat Islam tidak akan dapat di sampaikan dan ditegakkan dalam kehidupan manusia melainkan dengan kuasa pemerintahan, terutamanya perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang dan sistem hidup dalam seluruh aspek kehidupan manusia.

Konsep *Maqasid Syari`ah*

Perkataan `maqasid' adalah kata plural kepada perkataan `maqsad'. `Qasd' bermaksud niat tujuan, tumpuan sesuatu dalam setiap perbuatan.

Niat dalam bahasa Melayu adalah tujuan atau objektif. Dalam kitab fekah disebut sebagai tujuan sesuatu yang disertakan dalam setiap perbuatan.[1] Oleh itu *Maqasid* Syarak ialah tujuan-tujuan syarak, yang merangkumi tujuan-tujuan umum syarak dan tujuan-tujuan khusus sesuatu sistem syarak dan tujuan setiap perintah , larangan dan perbuatan Allah SWT secara juzi. Berkaitan dengan persoalan ini Allah SWT ada berfirman:

Maksudnya: "Maka adakah patut kamu menyangka bahawa kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat (dan tujuan) pada ciptaan itu? Dan kamu menyangka pula tidak akan dikembalikan kepada kami" [2]

Maha suci Allah daripada melakukan sesuatu sia-sia tanpa tujuan. Sebaliknya seluruh perbuatan Allah, penurunan Syari`at Islam kepada manusia, pensyariatan hukum-hakam dan sebagainya mempunyai tujuan tertentu sama ada tujuan itu dinyatakan secara langsung oleh Allah atau difahami dengan cara *istiqra'* terhadap ayat-ayat al-Quran.

Ibn `Asyur mentakrifkan tujuan umum syara' sebagai :

" Tujuan-tujuan dan hikmah yang di dapati pada syarak di seluruh keadaan pensyari`atan atau pada sebahagian besar daripadanya di mana ia tidak hanya di dapati pada jenis hukum-hukum syarak tertentu sahaja. Ia termasuk pada sifat-sifat syari`ah, matlamat umumnya dan tujuan-tujuan yang di dapati wujud pada syariat termasuk juga tujuan dan hikmat yang tidak kelihatan pada setengah hukum tetapi terdapat pada setengah hukum yang lain"[3]

Manakala Dr. `Ilal al-Fasi mentakrifkan maqasid al Syari`ah sebagai:

" Matlamat daripada pensyari`atan dan rahsia-rahsia yang ditentukan oleh syarak pada setiap hukum-hukumnya" [4]

Daripada pentakrifan ini maqasid Syariah boleh dibahagikan kepada tiga iaitu; maqasid umum, maqasid khusus dan maqasid *juz'i*.

Maqasid umum Syarak pula terbahagi kepada tiga ; sama ada yang berkaitan dengan memelihara perkara *daruriyat, hajiyat atau tahsiniyat*.[5]

Maqasid khusus ialah perkara yang menjadi matlamat syarak dalam bab atau sistem tertentu seperti hukum-hukum berkaitan dengan kekeluargaan, hukum-hukum berkaitan kewangan, kehakiman dan sebagainya. Maqasid juz'i ialah matlamat syarak dalam mewajibkan sesuatu kewajiban atau melarang sesuatu perbuatan seperti rahsia diwajibkan solat, puasa, zakat dan sebagainya.[6]

Maqasid Umum Syarak.

Pertama: Memelihara Maslahah Dharuriyat (KeperluanAsasi)

Maslahah daruriyat ialah maslahah yang menjadi keperluan asas kepada kehidupan manusia di dunia dan akhirat, jika sekiranya tidak dipelihara maslahah ini kehidupan manusia akan pincang dan hilang nikmat abadi. Maslahah asasi itu ialah, agama, jiwa, akal, keturunan (kehormatan) dan harta benda. Segala urusan agama dan keduniaan dibina di atas maslahah-maslahah ini dan hanya dengan memelihara kesejahteraannya sahaja kehidupan individu dan masyarakat akan berjalan dengan baik [7]

Allah telah menyatakan kepentingan *maslahah daruriah* ini di dalam firmannya yang bermaksud:

> *"Wahai nabi! Apabila orang-orang perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberikan pengakuan taat setia, bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatupun, dan mereka tidak mencuri, mereka tidak berzina, mereka tidak membunuh anak-anak mereka dan mereka tidak akan melakukan sesuatu dusta yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik, maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah kepada Allah pengampunan dosa mereka: Sesungguhnya Allah Amat Pengampun lagi Amat Mengasihani" (Al-Mumtahinah: 12)*

Untuk memelihara agama, Allah mewajibkan manusia menuntut ilmu yang berkaitan dengan aqidah, ibadah dan akhlak dan melaksanakannya dalam kehidupan. Islam juga mewajibkan berjihad untuk memelihara agama dan menghukum mereka yang murtad.

Amal ibadah yang dilakukan oleh seseorang hamba akan mententeramkan jiwanya, begitu juga Islam mensyariatkan perkahwinan agar perkongsian hidup manusia lebih mencapai ketenangan sebaliknya mereka yang melakukan jenayah yang boleh membawa kepada kemusnahan jiwa manusia akan dikenakan hukuman qisas atau kifarat.

Allah menurunkan al-quran dan mengutuskan sekelian rasul untuk mengajarkan manusia dengan segala ilmu bagi memelihara akal, Islam mengajak manusia berfikir tentang kejadian diri manusia dan alam semesta, Islam menggalakkan umatnya melancung bagi melihat bukti-bukti kebesaran Allah. Islam mengharamkan semua perkara yang merosakkan akal manusia dan menghukum mereka yang mengambil sesuatu yang boleh memabukkan mereka.

Untuk mewujudkan keturunan, dan memelihara maruah Islam mensyariatkan perkahwinan, mengharamkan zina dan qazaf.

Untuk menghasilkan harta Islam mewajibkan berusaha mencari rezki, mensyariatkan muamalat diantara manusia seperti jual beli, sewa menyewa, syarikat, hutang piutang, gadaian, pelaburan dan sebagainya.

Untuk memelihara harta Islam mengharamkan judi, riba, memakan harta orang tanpa hak, mencuri dan sebagainya.

Kedua: Melaksanakan Keperluan *Maslahah Hajiat* (Perlu)

Maslahah hajiyat ialah perkara yang diperlukan kerana memberi keselesaan kepada kehidupan dan mengelakkan daripada kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kepada kesusahan dan keserbasalahan dalam hidup, ketiadaannya tidaklah membawa

kepaincangan kepada kehidupan manusia sebagaimana sekiranya ketiadaan perkara-perkara dharuriyat.

Sekiranya tujuan ini tidak diambil-kira akan menjadikan kehidupan berada di dalam kesukaran dan kepayahan, walaupun begitu ia tidak mencapai kepada kerosakan kepada maslahat umum. Maslahat hajiyat ini wujud dalam urusan ibadah seperti hukum-hukum rukhsah, dalam adat kebiasaan seperti keharusan menikmati perkara-perkara baik yang halal seperti, makanan, pakaian, kenderaan dan tempat tinggal. Manakala dalam urusan muamalat seperti hukum jual al-salam dan dalam bab jenayah ialah seperti hukum diat kepada *aqilah*.[8]

Di dalam ibadah disyariatkan beberapa kemudahan (rukhsah) seperti sembahyang qasar dan jama' bagi orang musafr, diharuskan berbuka puasa Ramadan bagi orang-orang sakit dan uzur kerana tua. Menunaiakn solat dalam keadaan duduk dan berbaring kerana uzur, gugur kewajibab solat keatas wanita haid dan nifas dan tidak diwajibkan qada' dan sebagainya.

Di dalam adat diharuskan berburu, berriadah, bergusti, berlumba kuda dan sebagainya.

Di dalam muamalat diharuskan berbagai-bagai kontrak atau akad yang bermatlamat memenuhi hajat keperluan manusia seperti jual beli, syarikat dan sebagainya. Dalam perkahwinan dibenarkan fasakh sekiranya pasangannya tidak sesuai, ada keaiban dan menamatkan perkahwinan dengan talak dan sebagainya.

Di dalam perkara jenayah Islam memebenarkan hukum qisas atau membantu keluarga yang membunuh dengan tidak sengaja dengan membayar diat.

Ketiga: Melaksanakan Keperluan Maslahah *Tahsinat* atau *Kamalat* [9]

Maslahah *tahsinat* atau *kamalat* ini ialah sesuatu maslahah yang termasuk di dalam perkara yang membawa penyempurnaan hidup seperti adat-adat dan akhlak yang baik, menjauhi kekotoran dan sikap yang buruk dan melakukan amalan-amalan sunat dalam ibadah. Sekiranya tidak diberikan perhatian kepada maslahah tahsinat ini secara berterusan, akan juga berlaku kepincangan dalam kehidupan hidup manusia sebagaimana berlaku akibat pengabaian terhadap perkara-perkara daruriyat..[10]

Maslahah ini terkandung di dalam perkara-perkara sunat seperti mandi jumaat, memakai wangian untuk kemasjid, di dalam muamalat ialah larangan meminang di atas pinangan orang lain dan di dalam adat seperti adab-adab makan, adab berjiran, bertamu dan sebagainya.

Begitu juga Islam melarang umatnya membunuh paderi, meruntuh tempat ibadat memusnahkan tumbuhan di dalam peperangan.

Maqasid Khusus Syarak

Maqasid Umum syarak tidak akan dapat dicapai melainkan melalui mekanisma tertentu untuk melaksanakannya. Lantaran itu mekanisma tersebut wajib diwujudkan dan perlu menepati tujuan-tujuan khusus syarak mengenainya. Ianya termasuklah mekanisma perlantikan khalifah, sistem pemerintahan, sistem syura, sistem keselamatan awam, sistem kehakiman, sistem ekonomi, sistem pendidikan, sistem kekeluargaan dan sistem-sistem sokongan lain seperti komunikasi, penyiaran dan insfrastruktur.

Lantaran itu mekanisma ini mempunyai tujuan-tujuan khusus yang dapat mencapai tujuan umum syarak. Maka penyusunan sistem pentadbiran, perlantikan pegawai-pegawai eksekutif bagi setiap institusi hendaklah daripada kalangan mereka yang berkelayakan yang mampu merealisasikan tujuan-tujuan syarak secara khusus dalam bidang tersebut sekaligus mencapai tujuan umum syarak.

Tujuan sistem kekeluargaan dalam Islam secara khusus ialah untuk mengisi keperluan fitrah manusia, disamping berperanan memelihara kemaslahatan masyarakat dan kesinambungan generasi khalifah yang akan memikul amanah Allah kepada manusia. Allah menyatakan tujuan ini dalam al-quran sebagai untuk memberikan kepada manusia nikmat *sakinah*[11], *mawaddah*[12] dan *rahmah*[13]. Dalam hadis rasulullah (s.a.w.) menambah tujuannya ialah supaya melahirkan zuriat yang soleh. Untuk menjamin tercapainya tujuan ini Islam telah membimbing manusia sejak daripada memilih pasangan hidup, hubungan suami isteri, tanggungjawab mendidik anak sehinggalah persoalan pembahagian harta pusaka.

Tujuan sistem pendidikan secara khusus ialah untuk melahirkan hamba Allah yang mentauhidkan Allah, ikhlas mengabdikan diri kepada-Nya, memiliki keperibadian yang mulia , bersedia dan mampu menghadapi ujian hidup yang akan ditaklifkan oleh Allah untuk manusia dan mampu berperanan dalam menjayakan misi manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Lantaran itu dasar pendidikan dan mekanisma pelaksananya mestilah bertepatan dengan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas berdakwah dan mentarbiyah ummah kearah matlamat tersebut.

Tujuan sistem ekonomi dalam Islam ialah untuk mengawal pengagihan nikmat harta benda yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia secara hak, adil, telus dan mengelakkan pertelingkahan dikalangan manusia. Termasuk dalam sistem ekonomi Islam ialah menggariskan peraturan muamalat manusia; dalam jual-beli, hutang-piutang, perkongsian dan sebaginya. Islam juga mengharamkan riba, akad yang mengandungi *gharar*[14], perjudian monopoli . Bagi golongan miskin dan tidak berkemampuan untuk mengumpul kekayaan akan juga mendapat pembiayaan melalui sistem zakat dan *kharaj jizyah*[15].

Sistem kehakiman dalam Islam ialah bertujuan menyelesaikan pertelingkahan di kalangan masyarakat secara adil dan menghalang manusia daripada melakukan jenayah.

Sistem keselamatan awam atau *hisbah*[16] adalah bertujuan untuk mengawal masyarakat daripada melakukan kesalahan dalam muamalat sesama manusia seperti mengelakkan penipuan dalam jual-beli dan sebagainya.

Sistem syura bertujuan untuk membuat dasar dan perundangan disamping menjadi mekanisma melantik dan memecat pemerintah dan menjadi penasihat kepada mereka dalam menjalankan tugas. Ahli syura dalam Islam dikenali sebagai ahli *al-halli wa al-`aqdi.*

Tujuan sistem pemerintahan dalam Islam ialah untuk mentadbir seluruh sistem-sistem dalam Islam dengan melantik pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berkemampuan dan melakukan muhasabah dan bimbingan terhadap pegawainya.

Maqasid Juz'i

Islam juga menggariskan tujuan-tujuan juzi atau hikmah disebalik tanggungjawab yang diamanahkan kepada manusia. Contohnya tujuan-tujuan pada kefarduan solat, zakat, puasa dan haji. Tujuan-tujuan diperintahkan ditulis segala akad perjanjian dan mempunyai saksi, tujuan dijatuhkan hukuman qisas hudud dan sebagainya. Tujuan-tujuan juzi ini selalu di dapati dipenghujung setiap perintah dan larangan Allah dalam al-Quran.

Amal-amal ibadah seperti solat, zakat dan haji secara khususnya bertujuan melahirkan insan bertakwa dan solat secara juzuknya bertujuan untuk berdoa, mengingati Allah disamping mengulangi penyataan kesyukuran, berikrar untuk hanya menyembah dan memohon pertolongan daripada Allah. Zakat bertujuan memebersihkan jiwa dan harta dan membantu fakir miskin. Haji bertujuan mendisiplinkan manusia agar mampu melaksanakan amanah Allah, memelihara lidahnya disamping melatih mereka agar berkorban masa dan harta dan sebagainya.

[1] Lihat, *Al-Mu'jam al-Wajiz* dibawah kata dasar qasada.
[2] Surah al-Mukminum, ayat 115.
[3] Ibn `Asyur, *Maqasid al-Syari`ah al-Islamiyah*, m.s. 50
[4] `Ilal, *Maqasid Al-Syaria`ah al-Islamiyah wa makarimuha* hal.4
[5] Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat*, jil.2, hal. 8
[6] Op-cit.
[7] Al-Syatibi; Op-cit, hal.8.
[8] Ibid m.s. 10-11
[9] Tahsinat ialah mengelokkan, kamalat ialah penyempurnaan.
[10] Ibid m.s. 10-11
[11] Ertinya ketenteraman jiwa, setengah ulama menyatakan ia bermaksud hubungan seks.

[12] Ertinya kasih-sayang
[13] Rahmat merangkumi seluruh nikmat kasih-sayang , belas kasihan, zahir dan batin khususnya kepada anak-anak.
[14] Sesuatu unsur yang tidak jelas yang boleh membawa kepada penipuan .
[15] Kharaj ialah cukai hasil bumi dan jizyah ialah cukai kepada yang diambil daripada rakyat bukan Islam.
[16] Hisbah ialah satu institusi yang melaksanakan tugas menyuruh masyarakat melakukan makruf dan melarang mereka melakukan kemungkaran.

7.1. Perlantikan Khalifah

Hukum Melantik Khalifah

Jumhur ulama' Islam (ahli as-Sunnah, *al-Murjiah, Syi'ah, Mu'tazilah* dan *Khawarij*) kecuali beberapa orang daripada *Mu'tazilah* dan *Khawarij* berpendapat bahawa hukum melantik Imam bagi mentadbir negara adalah wajib.[1] Ianya wajib dengan ijma' sahabat apabila tiada sesuatu yang menghalang daripada perlantikannya.[2] Apabila thabit kewajiban melantik imam maka kewajibannya ialah fardu kifayah. Hukumnya sama seperti jihad dan menuntut ilmu. Apabila orang yang layak telah memikulnya maka gugurlah kewajiban daripada orang lain.[3] Walau bagaimanapun mereka berselisih pendapat pada sumber yang membawa kepada kewajibannya.[4]

1. *Al-Asy'ariyah*, *Mu'tazilah* dan *'Atrah* berpendapat bahawa kewajiban melantik Imam adalah bersumberkan kepada nas syara' bukan hukum akal, kerana Imam melaksanakan tugas syara'.

2. Sebahagian *Syiah Imamiyah* dan *Zaidiah* berpendapat bahwa kewajiban melantik Imam adalah berdasarkan hukum akal.

3. Manakala pendapat al-Jahidz, al-Ka'bi, al-Balkhi, al-Hasan al-Basri dan Abu Hasan daripada *Mu'tazilah* adalah berdasarkan dalil akal dan syara'.

4. Pendapat *Syiah Imamiah* dan *al-Ismailiah* bahawa melantik Imam bukan kewajiban kita tetapi ia dilakukan oleh Allah S.W.T.

Manakala golongan Khawarij berpendapat bahawa tidak wajib melantik Imam pada asalnya malah ianya termasuk di dalam perkara yang harus.

Ada di kalangan mereka yang berpendapat bahawa wajib melantik Imam ketika suasana tidak membawa kepada fitnah sebagaimana pendapat Hisyam al-Khuti dan pengikutnya.

Manakala sebahagian yang lain pula seperti Ubay al-`Asam dan pengikutnya berpendapat sebaliknya dengan mengatakan wajib melantik imam ketika berlaku fitnah dan tidak wajib pada waktu aman.

Huraian Hukum Melantik Khalifah

Hukum melantik Imam adalah wajib menurut pendapat kebanyakan ulama'. Ia termasuk di dalam kategori fardhu kifayah. Hukumnya didapati daripada ijma' para sahabat dan tabi'in. Lantaran itulah para sahabat Rasulullah (s.a.w.) bersegera ke majlis perlantikan khalifah sehinggakan dengan sebab kesibukan itu mereka meninggalkan majlis menguruskan jenazah Rasulullah (s.a.w.).

Dalam masalah ini Imam Ibnu Taimiah mengatakan:

"Wajiblah diketahui bahawa mentadbir urusan muslimin, merupakan kewajiban agama yang paling besar. Malah urusan agama dan dunia tidak akan dapat dilaksanakan tanpanya. Sesungguhnya kemaslahatan keturunan Adam tidak akan sempurna melainkan dengan perkumpulan, di mana sebahagiannya berhajat kepada bantuan sebahagian yang lain. Apabila mereka berhimpun, mereka perlu kepada seseorang yang memimpin."[5]

Sabda Rasulullah (s.a.w.):

> *"Apabila tiga orang keluar bermusafir maka lantiklah ke atas mereka seorang untuk menjadi ketua." (Abu Daud)*

Sabda Rasulullah (s.a.w.):

> *" Tidak halal bagi tiga orang yang berada di satu tempat melainkan dilantik seorang daripada mereka seseorang sebagai ketua." (Imam Ahmad)*

Kewajiban melantik seorang ketua di dalam perhimpunan yang sedikit kerana bermusafir menunjukkan bahawa wajib melantik pemimpin di dalam perhimpunan yang lebih besar.

Kerana Allah S.W.T. telah mewajibkan muslimin untuk menyuruh manusia melakukan *ma'ruf* dan mencegah sesuatu yang *mungkar* dan ianya tidak akan sempurna melainkan dengan kekuatan dan kepimpinan. Begitulah segala yang diwajibkan oleh Allah seperti jihad, menegakkan keadilan, menunaikan haji, sembahyang Jumaat, perayaan, menolong golongan yang dizalimi dan melaksanakan hudud yang segalanya ini tidak akan terlaksana tanpa kekuasaan dan pemimpin.

Dalil-Dalil Mengenai Kewajipan Melantik Khalifah

1. Diriwayatkan secara *mutawatir* mengenai kesepakatan kaum muslimin di zaman awal Islam selepas kewafatan Rasulullah (s.a.w.) yang dinamakan sebagai *Ijma' Saqifah Bani Sa'edah* bahawa tidak boleh berlaku kekosongan pada jawatan khalifah walaupun seketika. Abu Bakar (R.A.) berkata: "Ketahuilah bahawa Muhammad telah wafat, dan tidak dapat tidak mestilah agama ini ada orang yang melaksanakannya."

2. Kaedah Syarak.

Melantik Imam dapat menghilangkan kemungkinan berlaku kemudharatan kepada umat. Menghalang kemudharatan adalah wajib.

3. Menegakkan dan melaksanakan *maqasid syara'* juga tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa Imam.

4. Mewujudkan kesatuan umat.

5. Nas-nas al-Quran yang mewajibkan pelbagai hukum tidak akan terlaksana tanpa adanya khalifah antaranya:

- Ayat berhukum dengan apa yang diturunkan Allah

- Ayat-ayat berkaitan syariat hudud

- Ayat-ayat berkenaan kewajipan berjihad

6. Hadis-Hadis.

"Tidak halal bagi tiga orang yang berada di suatu tempat melainkan hendaklah dilantik seorang menjadi pemimpin kepada mereka."

"Apabila tiga orang keluar bermusafir maka lantiklah seorang daripada mereka sebagai ketua."

"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab ke atas rakyatnya."

"Sesiapa yang mati dan tengkuknya tidak terikat dengan bai'ah maka matinya sebagai mati jahiliyyah."

"Sehari bagi Imam yang adil lebih baik daripada beribadah enam puluh tahun."

[1] Al-Dahlawi: *Hujjatullah al-Balighah*, Al-Mawardi, op.cit.
[2] Al-Juwaini: *al-Ghiyasi*, Tahqiq Abdul Azim al-Dib, Qatar hal.23.
[3] Al-Mawardi;op.cit.
[4] Al-Zuhaili, op.cit hal.665.
[5] Ibn. Taimiyyah : *Siyasah Syar`ieyyah Fi al-Ra`I wa al-Ra`ieyyah.*

7.2. Sejarah Perlantikan Khulafa' al-Rasyidin

1. Sejarah perlantikan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq (R.A.)

Al-Bukhari meriwayatkan di dalam kitab *Sahih Bukhari* daripada Umar al-Khattab (R.A.) satu hadis yang panjang antaranya:

".. Sesungguhnya di antara pengalaman kami ialah ketika Allah mewafatkan Nabi-Nya (s.a.w.), kaum al-Ansor tidak bersama kami sebaliknya mereka berhimpun di Saqifah Bani Saadah. Ali dan az-Zubir dan beberapa orang lain juga tidak bersama-sama dengan kami. Kaum Muhajirin berkumpul di sisi Abu Bakar (R.A.). Aku berkata kepada Abu Bakar: "Marilah bersama kami, kita pergi menemui saudara kita daripada golongan al-Ansor." Kami pun pergi menemui mereka. Apabila kami hampir kepada mereka, kami bertemu dengan dua orang lelaki soleh. Mereka berdua menceritakan apa yang berlaku dan bertanya: "Ke manakah tujuan kamu wahai sekelian Muhajirin?" Kami menjawab: "Kami ingin bertemu saudara-saudara kami, golongan al-Ansor." Mereka berdua berkata: "Tak perlulah kamu pergi kepada mereka sebaliknya selesaikanlah tugas kamu." Aku berkata: "Demi Allah kami akan menemui mereka."

Lalu kami pergi ke sana. Setibanya kami di Saqifah Bani Sa'edah kami dapati seorang lelaki yang berselimut berada di tengah-tengah orang rama. Aku bertanya: "Siapakah ini?" Mereka menjawab: "Saad bin Ubadah." Aku bertanya: "Kenapa dengannya?" Mereka menjawab: "Beliau (R.A.) sakit."

Sejurus selepas kami duduk seketika, khatib mereka bangun lalu bertasyahhud dan memuji Allah. Dia berkata: "Kami adalah katibah Islam dan kamu (Muhajirin) adalah kelompok kecil yang menyusup meninggalkan kaum kamu. Tiba-tiba kamu ingin mengalahkan kami dan menguasai kami." Apabila dia diam, aku ingin bercakap. Aku lebih mengetahui daripadanya beberapa batasan. Apabila aku ingin bercakap Abu bakar berkata: "Biarkan aku yang bercakap. Aku tidak ingin menimbulkan kemarahannya." Lalu beliau berucap. Sesungguhnya dia lebih lembut dan lebih tenang daripadaku. Demi Allah, tidak ada satu pun perkataan yang ingin aku katakan melainkan dia mengucapkannya dengan tenang. Ia mengucapkan sama seperti apa yang aku ingin ucapkan atau lebih baik daripada yang inginku katakan. Kemudian dia diam. Kata beliau: "Apa yang kamu ucapkan mengenai kebaikan, maka kamulah ahlinya. Sesungguhnya tidak diketahui seseorang yang lebih berhak untuk jawatan ini (khalifah) melainkan kaum Quraisy. Mereka adalah kabilah Arab yang pertengahan dari segi keturunan dan tempat. Sesungguhnya aku redha untuk kamu salah seorang daripada mereka berdua maka berbai`ahlah kamu kepada mereka sekiranya kamu suka." Lalu beliau memegang tanganku dan tangan Abu Ubaidah Amir bin al-Jarrah yang

duduk bersama kami. Aku tidak membenci apa yang dikatakannya, cuma padaku sekiranya aku dibunuh supaya tidak memikul bebanan ini, ianya lebih aku sukai daripada aku menjadi Amir sedangkan bersamaku Abu Bakar as-Siddiq.

Bangun seorang Ansor dan berkata: "Akulah kayu tangga untuk menunggang unta dan kayu sangga kepada tamar yang merindang. Daripada kami seorang Amir dan daripada kamu seorang Amir wahai sekelian Quraisy." Lalu berlakulah kekalutan dan kebisingan sehingga membawa perselisihan. Lalu aku berkata bentangkanlah tanganmu wahai Abu Bakar. Lalu beliau menghulurkan tangannya. Aku membai`ahnya dan diikuti oleh sekelian Muhajirin. Kemudian beliau dibai`ah oleh kaum al-Ansor…."[1]

Inilah bai'ah pertama kepada Abu Bakar (R.A.), iaitulah bai'ah golongan pembesar sahabat dari kalangan Quraisy dan golongan al-Ansor. Bai'ah ini kemudiannya diikuti oleh bai'ah umat Islam di masjid.

Bukhari meriwayatkan dalam *Sahih Bukhari* daripada Anas bin Malik (R.A.) bahawa beliau telah mendengar khutbah Umar (R.A.) apabila beliau naik ke mimbar iaitu selepas sehari kewafatan rasulullah (s.a.w.) lalu beliau mengucap syahadah, ketika itu Abu Bakar (R.A.) diam. Beliau berkata:

"Aku berharap Rasulullah (s.a.w.) masih hidup dan dapat menyusun urusan kita – dia mengharapkan dialah yang terakhir – Walau pun Muhammad (s.a.w.) sudah wafat tetapi bersama kamu ada cahaya yang boleh kamu jadikan pedoman sebagaimana yang ditunjuk oleh Rasulullah (s.a.w.). Sesungguhnya Abu Bakar (R.A.) merupakan sahabat Rasulullah (s.a.w.) yang disebut di dalam al-Quran sebagai `tsani itsnain iz huma fil ghar'. Sesungguhnya dia lebih utama untuk urusan kamu. Maka bangunlah kamu sekelian berbai'ah kepadanya." Anas bin Malik (R.A.) berkata: "Sesungguhnya sebahagian mereka telah berbai'ah dengannya dan bai'ah umum di atas mimbar."

Ibnu Kasir berkata: Ibnu Ishak berkata: "Kemudian Abu Bakar berucap. Beliau memuji Allah lalu berkata:

"Wahai Manusia, sesungguhnya aku telah di lantik memimpin kamu dan bukanlah aku yang terbaik di kalangan kamu. Sekiranya aku berbuat baik, maka taatilah aku. Sekiranya aku berbuat keburukan, betulkanlah aku. Kebenaran itu amanah dan dusta itu khianat. Orang yang lemah di sisi kamu adalah kuat di sisiku sehingga aku kembalikan haknya. Orang yang kuat di kalangan kamu adalah lemah di sisiku sehingga aku mengambil hak daripadanya jika Allah mengkehendaki. Tidak ada sesuatu kaum yang meninggalkan jihad melainkan Allah akan menjatuhkan mereka dengan kehinaan. Tidak akan berlaku kemungkaran yang berleluasa di dalam sesuatu kaum melainkan Allah akan menurunkan bala' kepada mereka seluruhnya. Taatilah aku selagimana aku mentaati Allah dan Rasul-Nya. Maka sekiranya aku memaksiati Allah dan Rasul-Nya, maka tidaklah perlu kamu mentaatiku. Bangunlah untuk menunaikan solat., semoga Allah mengasihi kamu."[2]

Kesimpulan:

Daripada himpunan peristiwa ini dapatlah diambil beberapa pengajaran antaranya:

Menunjukkan bahwa Nabi (s.a.w.) tidak menaskan dengan nyata siapakah khalifah selepas baginda.

1. Bai'ah kepada Abu Bakar (R.A.) berlaku selepas selesai mesyuarat di antara sahabat-sahabat besar di kalangan Muhajirin dan al-Ansor. Ini menunjukkan bahawa yang membuat pemilihan ialah mereka yang dimuliakan di kalangan para ulama' dan para pemimpin. Inilah yang dinamakan sebgai *'ahli halli wal aqdi'*.

2. Tidak disyaratkan ijma' keseluruhan umat. Malah tidak mudharat sekiranya berlaku penentangan daripada sebahagian kecil sebagaimana yang berlaku terhadap Saad bin Ubadah (R.A.) yang tidak menyetujuinya.

3. Adalah suatu yang syar'ie berlakunya bai'ah di kalangan *ahli halli wal aqdi* dahulu sebelum bai'ah umat keduanya, sebagaimana yang berlaku kepada khalifah Abu Bakar (R.A.)

4. Tidak disyaratkan dalam pemilihan kehadiran semua *ahli halli wal aqdi* sebagaimana Ali bin Abi Thalib (R.A.) dan az-Zubair bin al-Awwam (R.A.) tidak hadir kerana menguruskan jenazah Nabi (s.a.w.) walaupun mereka berdua berbai'ah selepas itu.

2. Sejarah perlantikan Umar al-Khattab (R.A.)

Manakala perlantikan khalifah Umar al-Khattab thabit dengan cara yang berbeza iaitu melalui perlantikan oleh khalifah sebelumnya. Ibnu al-Jauzi berkata:

"Daripada al-Hasan bin Abi al-Hasan (R.A.) katanya: "Apabila Abu Bakar mulai sakit tenat, beliau menghimpunkan sahabatnya dan berkata: "Sesungguhnya telah sampai kepada aku apa yang kamu lihat dan aku menyangka ianya akan sampai (ajal). Allah telah melepaskan sumpah kamu daripada bai'ahku, dan telah terongkai simpulannya. Telah dikembalikan kepada kamu urusan kamu, maka kamu lantiklah sesiapa yang kamu suka. Sekiranya kamu melantiknya pada masa aku hidup, ini lebih baik supaya kamu tidak berselisih selepasku. Lalu mereka pun bangun meninggalkannya tetapi tiada keputusan bagi mereka. Mereka berkata: "Khabarkanlah kepada kami wahai khalifah Rasulullah (s.a.w.)." Katanya: "Kamu akan berselisih?" Mereka menjawab: "Tidak." Beliau bertanya: "Maka kamu redha dengan pilihan Allah ke atas kamu ?" Mereka menjawab: "Ya." Beliau berkata: "Berikan kepadaku waktu seketika untuk aku melihat siapa yang terbaik untuk Allah, untuk agama-Nya dan untuk hamba-Nya." Lalu Abu Bakar (R.A.) bertanya Uthman bin Affan (R.A.): "Berikanlah pendapat kamu mengenai seorang lelaki. Demi Allah kamu pada sisiku adalah berkeahlian dan

berkedudukan.” Lalu beliau (Uthman) berkata: “Umar.” Katanya: “Tulislah.” Lalu ditulis sehingga sampai kepada nama beliau, beliau pun pitam. Kemudian dia sedar dan berkata: “Tulislah Umar.”

Disebut juga bahawa: Abu Bakar as-Siddiq apabila hampir ajalnya telah memanggil Abdul Rahman bin Auf (R.A.) dan berkata: “Khabarkan kepadaku mengenai Umar bin Al-Khattab.” Lalu Abdul Rahman berkata: “Apa yang kamu tanyakan kepadaku ini, kamu lebih mengetahuinya daripadaku.” Maka Abu Bakar (R.A.) berkata: “..dan sekiranya…” Kata Abdul Rahman: “Dia demi Allah lebih baik daripada pendapat kamu padanya.” Kemudian Abu Bakar (R.A.) memanggil Uthman bin Affan (R.A.) dan berkata: “Ceritakan kepadaku mengenai Umar”, maka Uthman (R.A.) menjawab: “Kamu lebih berpengalaman daripadaku mengenainya.”

Abu Bakar telah bermesyuarat dengan Said bin Zaid, (R.A.) Abu al-A’war (R.A.), Usaid bin al-Hudhair (R.A.) dan lain-lain lagi daripada al-Muhajirin dan al-Ansor.

Sebahagian sahabat Nabi yang mendengar bahawa Abdul Rahman (R.A.)dan Uthman (R.A.) menemui Abu Bakar (R.A.) di tempatnya dan berkata salah seorang daripada mereka: “Apa yang akan engkau kata kepada Tuhanmu apabila engkau ditanya mengenai perlantikan Umar (r.a) selepas engkau, sedangkan engkau tahu sifat kasarnya?” Lalu Abu Bakar berkata: “Dudukkanlah aku. Apakah kamu takutkan aku dengan Allah? Celakalah sesiapa yang menambah dalam urusan kamu dengan kezaliman. Aku akan berkata kepada-Nya: “Ya Allah, sesungguhnya aku telah tinggalkan urusan mereka kepada sebaik-baik makhluk-Mu.” Kemudian dia baring dan memanggil Uthman bin Affan (R.A.) dan berkata: “Tulislah: Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Ini ialah perlantikan yang dilakukan oleh Abu Bakar bin Abi Qahafah pada akhir hayatnya di dunia dan di awal kehidupannya di akhirat; yang diambang memasukinya dimana hari ini dipercayai oleh yang kafir, di yakini oleh yang berdosa, dan dipercayai orang yang dahulunya tidak mempercayainya. Bahawa aku telah melantik ke atas kamu selepasku Umar al-Khattab. Maka dengarkanlah kata-katanya dan taatilah dia. Sesungguhnya aku tidak tinggalkan kepada Allah, Rasul-Nya, agama-Nya, diriku dan kepada kamu melainkan kebaikan, sekiranya diubah maka bagi setiap orang balasan dosa apa yang dilakukannya, aku tidak mengetahui perkara ghaib, dan orang-orang yang zalim akan mengetahui di manakah tempat kembali mereka, dan salam sejahteralah ke atas kamu.

Kemudian diperintahkan agar surat itu dicop.

Kemudian beliau memerintahkan Uthman (R.A.) keluar membawa kertas yang telah dicopkan tersebut bersama Umar bin Al-Khattab dan Usaid bin Said al-Khurdhi. Uthman (R.A.) berkata kepada orang ramai: “Apakah kamu akan berbai’ah kepada sesiapa yang tertera namanya di dalam kertas ini?” Mereka menjawab: “Ya.”

Sebahagian daripada mereka berkata: “Kami telah tahu.” Ibnu Saad berkata kepada yang berkata tadi: “Dia ialah Umar.” Mereka mengiktirafnya, meredhainya dan berbai’ah kepadanya.

Kemudian Abu Bakar (R.A.) memanggil Umar (R.A.) secara sendirian lalu mewasiatkan sesuatu kepadanya. Abu Bakar (R.A.) kemudian keluar dan mengangkat tangannya seraya berkata: “Ya Allah, aku tidak kehendaki dengan apa yang aku lakukan ini melainkan kebaikan kepada mereka dan mengurangkan fitnah daripada mereka. Dengan itu aku lakukan terhadap mereka sebagaimana yang Engkau ketahuinya. Aku telah berusaha berfikir untuk mereka. Maka aku lantik ke atas mereka seorang yang terbaik dan yang terkuat di kalangan mereka serta seorang yang lebih memelihara terhadap apa yang aku tunjukkan kepada mereka. Sesungguhnya telah tiba kepadaku urusan engkau (ajalku) lalu aku gantikan kepada mereka (khalifah selepasku) . Mereka adalah hamba-Mu. Nyawa mereka di tangan-Mu. Berikanlah untuk mereka dan kepada mereka kebaikan. Jadikanlah dia di antara khulafa’ Engkau yang mendapat petunjuk yang mengikut petunjuk nabi ar-Rahmah dan petunjuk orang-orang soleh selepasnya dan perelokkanlah baginya rakyatnya.”[3]

Kesimpulan:

Daripada kisah ini bolehlah dibuat kesimpulan bahwa:

1. Harus melantik peribadi tertentu sebagai pengganti khalifah.
2. Bermesyuarat dengan *ahli al-halli wal aqd* sebelum berazam menentukan khalifah.
3. Menulis surat perlantikan kepada khalifah yang akan mengganti.
4. Perlantikan secara *‘al ahd’* tidak cukup sebagai perlantikan imam tetapi hendaklah mendapat bai’ah umat.

3. Pemilihan Uthman Al-Affan (R.A.)

Al-Bukhari meriwayatkan di dalam *Sahih Bukhari* daripada Amru bin Maimun yang menceritakan kisah Umar al-Khattab (R.A.) ditikam dan diusung ke rumahnya kemudian para sahabat masuk menemuinya. Mereka berkata: “Wasiatkanlah wahai Amirul Mukminin. Lantiklah pengganti.” Umar (R.A.) berkata: “Aku tidak dapati untuk urusan ini melainkan kumpulan ini yang Rasulullah (s.a.w.) wafat dengan meredai mereka;[4] lalu beliau telah menamakan mereka itu, iaitu; Ali, Uthman, az-Zubair, Talhah, Saad dan Abdul Rahman. Beliau berkata: “.Pemilihan akan disaksikan oleh Abdullah bin Umar dan perkara ini bukanlah haknya sedikit pun. Sekiranya kepimpinan ini diberikan kepada Saad, maka kepadanyalah. Jka tidak, maka sesiapa sahaja yang dilantik menjadi Amir mintalah bantuannya. Sesungguhnya aku tidak akan membuangnya kerana lemah atau khianat…” sehingga berkata rawi:

Apabila selesai pengkebumiannya, kumpulan tersebut mengadakan pertemuan. Lalu Abdul Rahman (R.A.) berkata kepada mereka : " Serahkan urusan ini(Amir)kepada tiga orang daripada kamu." Lalu Al-Zubair berkata aku serahkan urusanku kepada Ali[5]. Talhah berkata: "Aku serahkan urusanku kepada Uthman", dan Saad berkata: "Aku serahkan urusanku kepada Abdul Rahman bin 'Auf."

Abdul Rahman berkata: "Siapakah di kalangan kamu yang ingin berlepas diri daripada urusan ini, supaya kami dapat jadikan urusan ini kepadanya, demi Allah ke atasnya dan Islam yang dilihatnya dirinya lebih utama daripada mereka, Lalu kedua-dua mereka diam.

Abdul Rahman berkata: "Apakah kamu berdua serahkannya kepadaku demi Allah supaya aku tidak meninggalkan yang lebih baik antara kamu? Mereka berdua berkata: ya. Lalu beliau telah memegang tangan salah seorang daripada mereka dan berkata: Kamu mempunyai hubungan kerabat dengan rasulullah (s.a.w.) dan terlebih dahulu memeluk Islam, sekiranya aku melantikmu adakah engkau akan berlaku adil, dan sekiranya aku melantik Uthman adakah kamu akan dengar dan taat.

Kemudian dia bersama seorang lagi dan berkata seumpamanya, maka apabila tiba masa perlantikan, beliau berkata: "Hulurkan tanganmu wahai Uthman. Aku berbai'ah kepadamu." Lalu beliau berbai'ah kepada Uthman dan Ali berbai'ah kepadanya. Seterusnya semua ahli rumah itu masuk dan berbai'ah kepadanya.[6]

Kesimpulan:

Perkara yang mungkin disimpulkan mengenai perlantikan Uthman bin Affan (R.A.) ialah bahawa:

1. Harus melantik beberapa orang yang tidak ditentukan siapakah peribadi yang dilantik secara khusus. Imam Ibnu Taimiah mengatakan bahawa:

"Sebab tidak ditentukan seseorang secara khusus daripada enam orang itu ialah supaya tidak berlaku perselisihan kerana beliau memandang keenam-enam mereka mempunyai kelebihan yang sama. Begitu juga sekiranya beliau memilih seseorang dan seseorang yang ditentukan itu tidak dapat menunaikan tugas dengan baik, maka Umar akan merasai dia bertanggungjawab maka sebab itu beliau tidak menentukan secara khusus siapakah yang hendak dilantik"

Kata Ibnu Battal sebagaimana yang ditulis oleh Ibnu Jarir di dalam kitabnya: "Cara ini[7] merupakan himpunan cara Rasulullah (s.a.w.) pada meninggalkan memilih peribadi tertentu dan menyerahkannya kepada muslimin dan cara Abu Bakar (R.A.) yang memilih peribadi tertentu lalu Umar telah mengikut amalan nabi dengan tidak

mennetukan sesipa yang patut dipilih dan amalan Abu Bakar iaitulah menentukan khalifah kepada salah seorang daripada enam orang, maka ianya merupakan cara yang menghimpunkan antara pemilihan dan perlantikan.[8]

4. Perlantikan Ali (R.A.)

Selepas peristiwa syahidnya Uthman al-Affan (R.A.) berlaku perpecahan dalam saf muslimin dan berlaku perlisihan pertama di dalam masalah perlantikan khalifah. Perlantikan khalifah Ali (R.A.) menghadapi banyak kesukaran. Antaranya; peristiwa pembunuhan Uthman bin Affan, pembunuh menyertai saf Ali, umat Islam menuntut qisas daripada mereka, kengganan penduduk Syam keseluruhannya untuk berbai'ah dan beberapa sahabat besar seperti Tolhah, az-Zubair, Aisyah dan lain-lain keluar menentang Ali (R.A.)

Daripada Muhammad bin Al Hanafiah katanya: "Aku bersama Ali (R.A.) ketika Uthman (R.A.) sedang dikepung. Datang seorang lelaki dan berkata: "Sesungguhnya Amirul Mukminin telah terbunuh." Kemudian datang seorang lagi dan berkata: "Sesungguhnya Amirul Mukminin telah terbunuh sekarang." Katanya, lalu Ali pun bangun, lalu aku duduk dihadapannya kerana bimbangkannya, lalu katanya, ketepi, katanya lagi: Lalu Ali tiba dirumah Uthman sedangkan Uthman telah terbunuh lalu dia memasuki rumah dan menutup pintu, Lalu beberapa orang datng dan membuka pintu dan masuk kepadanya dan berkata: Dia telah terbunuh, rakyat memerlukan khalifah dan kami tidak dapati seseorangpun yang lebih layak selain kamu, lalu Ali berkata: Janganlah kamu menghendaki aku, aku sebegai menteri untuk kamu lebih baik daripada aku menjadi amir. Mereka berkata: Tidak demi Allah kami tidak mendapati seorangpun yang lebih berhak daripada kamu, katanya: Sekiranya kamu enggan menolakku juga maka bai'ahku tidak secara sulit tetapi aku akan keluar kemasjid maka siapa suka dia bai'ahkan aku, lalu beliau keluar ke masjid lalu rakyat berbai'ah kepadanya.[9]

[1] Ibn Hajar; *Fath al-Bari.*
[2] Ibn. Katsir, *Al-Bidayah wa al-Nihayah.*
[3] Ibn Saad; *Tabaqat al-Kubra*.
[4] Mereka ialah 6 orang daripada 10 orang yang telah diberikan berrita gembira kepada mereka sebagai ahli syurga selain Abu bakar, Abu Ubadah, Umar al-Khattab, dan Said bin Zaid. Said tidak disebut oleh Umar kerana beliau adalah sepupu Umar … Lihat: Ibn Hajar, *Fathu al-Bari.*
[5] Yakni aku melantik Ali.
[6] Al-Bukhari: *Kitab Fadail al-Sahabah.*
[7] Cara Umar melantik khalifah.
[8] Al-Tabari; *Tarikh al-Tabari.*
[9] Al-Khallal memetik dari Imam Ahmad; Al-Musnad.

7.3. Syarat Seorang Khalifah

Para pengkaji telah berselisih pendapat dalam menentukan bilangan syarat-syarat Imam.

Syarat Imam menurut al-Khalkhasyandi

1- Lelaki
2- Baligh
3- Berakal
4- Melihat
5- Mendengar.
6- Berkata-kata
7- Selamat sekelian anggota
8- Serang yang merdeka bukan hamba.
9- Islam.
10- Adil
11- Berani dan Gagah
12- Berilmu yang mampu berijtihad
13- Berakal Fikiran sihat dan beragama
14- Keturunan Quraisy kerana terdapat dalil bahawa Abu Bakar (R.A.) telah berhujah kepada al-Ansar dengan hadis nabi:

"Imam daripada Quraisy."

Syarat Imamah di sisi al Mawardi

1- Adil
2- Berilmu yang membolehkannya berijtihad
3- Sejahtera semua pancaindera seperti telinga, mata dan lidah
4- Tiada kekurangan anggota yang akan menghalangnya daripada pergerakan
5- Ketajaman pemikiran yang membolehkannya menguruskan kemaslahatan rakyat

6- Berani dan kuat yang memungkinkannya memelihara negara dan berjihad menentang musuh
7- Keturunan Quraisy.

Demikianlah al-Khalkhasyandi dan al-Mawardi menyatakan syarat-syarat yang perlu ada kepada mereka yang akan dilantik menjadi Khalifah. Walaupun kedua-duanya menghitung dengan jumlah yang berbeza tetapi pada hakikatnya tidak terdapat perbezaan di antara kedua-dua mereka.

Syarat Imamah di sisi Ibnu Khaldun

1. Berilmu
2. Adil
3. Berkemampuan
4. Selamat pancaindera dan anggota daripada yang mengganggunya dalam melaksanakan tugasnya

Manakala syarat kepimpinan daripada Quraisy tidak dilupai oleh Ibn Khaldun tetapi beliau telah mentafsirkannya sebagai seseorang yang mempunyai kekuatan dan *asobiyyah* yakni pengikut yang ramai yang menjadikannya mampu memikul tangggungjawab memelihara pemerintahan.

Ini ialah kerana pada kurun pertama dan kedua hijrah kaum Quraisy mempunyai kekuatan *asobiyyah* ini. Apabila keadaan kekuatan asobiyyah ini lemah dan hilang *haibah* mereka, lahir di dalam alam Islam sesiapa yang memiliki *asobiyyah* ini maka haruslah beliau dilantik menjadi khalifah.

Ini ialah kerana yang dimaksudkan dengan Quraisy dalam hadis bukanlah bangsa Quraisy tetapi mereka yang memiliki kekuatan dan *asobiyyah* yang boleh memelihara Islam dengan kekuatan itu.

Demikianlah Umar apabila hampir wafat telah mengatakan: “Sekiranya Salim hamba Abu Huzaifah masih hidup nescaya aku bai`ahkannya sebagai khalifah.”

Ini difahami daripada hadis Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud: “Dengarlah kamu dan taatilah walaupun kamu dipimpin oleh seorang hamba Habsyah.”

7.4. Kaedah Perlantikan Khalifah

Selepas pembentangan ringkas mengenai sejarah perlantikan Imam di zaman para sahabat maka melalui panduan mereka kita akan bincangkan mengenai cara perlantikan Imam iaitu dua cara:

Pertama: Cara Pemilihan

Mereka yang mebuat pemilihan ialah ahli halli wa al-'aqdi iaitu cara yang berlaku dalam perlantikan Abu Bakar dan Ali (R.A.)

Kepentingan cara pemilihan:

Imam atau khalifah ialah wasilah bukannya matlamat, iaitu wasilah untuk melaksanakan amar makruf dan anhi munkar dalam bentuknya yang luas. Tugas ini merupakan kewajiban setiap peribadi umat dimana tidak akan dapat ditegakkan dengan sempurna melainkan dengan adanya seorang imam yang mentadbir dan menyusun kearah terlaksananya tugas yang besar ini.

Oleh itu umat bertanggung jawab melantik seseorang bagi mengganti mereka mentadbir urusan ini dan diserahkan kepadanya ketaatan serta sokongan untuk dipimpin kearah mencapai matlamat besar yang menjadi kewajiban setiap muslim secara umumnya.

Tanggungjawab melantik Imam ini kembali kepada umat kerana Imam adalah pengganti umat namun begitu keadaan umat yang tinggal berselerak, berjauhan, berbagai-bagai kemampuan keilmuan, yang lemah, yang cerdik dan sebagainya maka tanggungjawab ini menjadi bebanan golongan ulama', cendikiawan dan golongan yang mulia dikalangan umat, merekalah yang akan memilih sesiapa yang mereka lihat berkelayakan bagi memikul tanggungjawab syarak ini yang menuntutnya melaksanakan hukum-hukum syarak dan melaksanakan amar makruf dan nahi munkar keseluruh muka bumi yang di diami.

Segalanya ini menjelaskan kepentingan cara pemilihan dalam melantik Imam malah ini dikirakan cara asas kerana perlantikan imam secara warisan atau perlantikan imam sebelumnya disyaratkan persetujuan oleh 'ahli al halli wa al-'aqd'.

Cara Pemilihan ini bertepatan dengan sunnah dan ijma'.

i. Sunnah:

Perbuatan nabi (s.a.w.): Rasulullah (s.a.w.) telah wafat tetapi baginda tidak menaskan dengan lafaz yang nyata terhadap perlantikan khalifah selepasnya ini jelas dengan kata-kata Umar.

“Sekiranya aku melantik khalifah menggantiku sesungguhnya telah melakukannya seseorang yang lebih baik dariku – iaitu Abu Bakar- sekiranya aku biarkan sesungguhnya telah membiarkannya seseorang yang lebih baik daripadaku – iaitu nabi (s.a.w.) -”[1]

Nyata daripada kata-kata ini bahawa rasulullah (s.a.w.) telah menyatakan kewajiban melantik imam tetapi setelah kewafatannya baginda tidak melantik sesiapapun maka mestilah dibuat pemilihan maka ini menunjukkan masyru‘iah pemilihan.

Antaranya ialah perbuatan khulafa’ al- Rasyidin (R.A.) sebagaimana diceritakan dan kita diperintahkan mengikut sunnah mereka dan mencontohi Abu Bakar dan Umar (R.A.). Umar al-Khattab pernah berkata:

“Sesiapa yang berbai’ah kepada seorang lelaki tanpa mesyuarat dengan muslimin maka janganlah diikutinya dan orang yang dibai’ahkannya..keduanya akan dibunuh.”[2]

ii. Ijma’:

Kita telah membentangkan sejarah perlantikan Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali dan kt tidak dapati seseorangpun sahabat yang menentang cara perlantikan mereka malah tidak terdapat riwayat yang mengkritik cara perlantikan khulafa’ ar-rasyidin.

Imam an-Nawawi mengatakan bahawa: “mereka telah berijma’ dalam perlantikan khalifah secara perlantikan dan secara dipilih oleh ahli al halli wa al-`aqdi bagi sesiapa yang tidak dilantik oleh khalifah sebelumnya.”[3]

Sebaliknya kaum Syiah berpegang dengan pendapat bahawa perlantikan Imam mesti dengan nas.

Ahli al- Halli Wa al-‘Aqdi

Siapakah ahli al-halli wa al-aqdi, apakah syarat-syarat mereka, adakah disyaratkan jumlah tertentu dan apakah tugas mereka?

Mereka ialah sekelompok manusia yang memiliki ketinggian agama dan akhlak, mengetahui hal-hal manusia dan cara mentadbir. Mereka juga dinamakan ahli al-ikhtiar (pemilih), ahli syura, ahli fikir dan tokoh pentadbir sebagaimana ditentukan sebahagian ulama’ iaitul: “ para ulama’, pimpinan, ketua-ketua kaum yang mudah berhimpun.”[4]

Kepada merekalah diwakilkan urusan melihat mengenai perkara yang berkaitan dengan kemaslahatan umat, agama mereka dan dunia mereka termasuklah memilih Imam kepada muslimin.

Masyru'iah Iktibar Ahli al-Halli wa-al-'Aqd (Hujjah Syarak)

i. Dalil Quran:

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah al-rasul dan ulil amru di kalangan kamu."[5]

Ulil Amru ialah ulama' dan umara'.[6]

ii. Sunnah:

Sabda rasulullah (s.a.w.): "Keluarkanlah kepadaku daripada kamu 12 orang naqib supaya melaksanakan kepada kaumnya apa yang diperintahkan kepada mereka." (kepada al-Ansor dalam bai'ah Aqobah kedua).[7]

Syarat-syarat Ahli al-Halli wa al-'Aqd' dan para Uli al-Amr.[8]

Syarat-syarat umum pada seluruh wilayah dalam daulah Islam.

1. Islam
2. Berakal
3. Lelaki
4. Merdeka
5. Adil
6. Berilmu
7. Bijaksana dan hikmah

Tugas 'Ahli al-Halli wa al-'Aqd

1. Memilih khalifah dan berbai'ah untuknya.
2. Membezakan antara dua orang yang dicalunkan sebagai khalifah.
3. Berbai'ah kepada yang lebih memberi manfaat.
4. Memecat khalifah.

Cara Kedua: al-'Ahd; Perlantikan Oleh Khalifah Terdahulu

Di antara cara perlantikan Imam ialah *'al-'ahd* iaitu perlantiakan atau pewarisan tugas khalifah daripada khalifah terdahulu kepada sesiapa sahaja yang dipulihnya di kalangan muslimin. Iaitu apabila seseorang khalifah merasai kehadiran ajalnya dan dia ingin mewariskan tugasnya kepada seseorang maka hendaklah beliau bermesyuarat dengan *ahli al-halli wa al-'aqd* terhadap sesiapa yang dipilihnya maka sekiranya

pemilihannya itu dipersetujui oleh *ahli al-halli wa al-'aqd* maka bolehlah diwasiatkan kepadanya.

Takrif 'al-'Ahd

Al-'ahd bererti janji, iaitu semua yang dijanjikannya dengan Allah keatasnya, semua janji yang dinyatakan oleh seorang hamba adalah al-'ahd, Ia juga bererti wasiat. Ia juga bererti menyerahkan sesuatu kepada seseorang.

Takrif Al 'Ahd Pada Istilah

Iaitu pewasiat memilih seseorang yang tertentu untuk melakukan tugas tertentu daripada tugas-tugas kerajaan bermula daripada kepimpinannya sehinggalah serendah-rendahnya. Pemilihan ini dinamakan 'ahd. Kemudian ianya ditulis dengan disebut oleh pewaris atau ditulis sendiri.

Hukum dan Dalil

Hukumnya adalah harus pada syarak, dan di antara cara yang disyariatkan dalam melantik imam sekiranya cukup syarat-syaratnya..

Antara dalilnya:

1. Sabda rasulullah (s.a.w.): "Sesungguhnya aku berazam supaya diutuskan utusan kepada Abu Bakar dan anaknya lalu aku wasiatkan khalifah kepadanya, bahawa berkatalah yang berkata atau bercita-cita orang yang bercita-cita kemudian aku berkata:Allah tidak menghendaki dan orang-orang beriman menolaknya atau Allah yang menolaknya dan engganlah orang yang beriman." (Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis ini jelas bahawa nabi ada berhasrat untuk membuat wasiat perlantikan khalifah kepada Abu Bakar tetapi ditinggalkannya kerana telah mendapat ilmu daripada Allah bahawa orang-orang yang beriman tidak akan memilih selainnya.

2. Ijma' para sahabat sebagaimana cara yang pertama juga.

Walaubagaimanapun perlantikan ini tidak boleh dilaksanakan melainkan setelah berlaku bai'ah daripada umat. Kerana inilah amalan para sahabat (R.A.) terhadap perlantikan Abu Bakar al Siddiq, Umar al-Khattab- Uthman al Affan dan Ali Abu Thalib.

Ali bin Abu Thalib berkata: " Tidak sah perlantikan Imam melainkan dengan bai'ah oleh muslimin."

Syarat sah wasiat perlantikan Imam

1. Seseorang yang dilantik itu memenuhi syarat-syarat seorang Imam.

2. Penerimaan orang yang dilantik.
3. Kewujudan seseorang yang dilantik.
4. Kekuasaan Imam yang melantik masih ditangannya.
5. Bermesyuarat dengan ahli al halli wal ‘aqdi.

Perlantikan ini berlaku sama ada kepada seorang sebagaimana perlantikan Umar sebagaimana yang dilakukan oleh Umar dimana jawatan Imam disyurakan di antara enam orang yang layak.

Mewasiatkan Imam Kepada Bapa atau Anak

Terdapat tiga pandangan mengenai perkara ini:

Pertama: Mengatakan tidak boleh; dengan diqiyaskan kepada syarat saksi dan hakim kerana tidak diterima penyaksian seseorang untuk membela anak atau bapanya.

Pendapat kedua mengatakan harus kerana kuasa imam tidak terbatas kepada sesiapa sahaja.

Pendapat ketiga hanya mengharuskan pewarisan pemerintahan hanya kepada bapa sahaja.

Pendapat yang rajih ialah pendapat pertama kerana itulah seerah khulafa’ al-rasyidin.

Walaubagaimanapun mereka yang mengatakan harus mewasiatkan khalifah atau imam kepada anak atau bapanya juga meletakkan syarat untuk memelihara kemaslahatan muslimin. Begitulah yang dilakukan oleh Muawiyah (R.A.) apabila mewariskan khalifah kepada anaknya Yazid walaupun masih ada sahabat yang lain yang berkelayakan, tetapi oleh kerana kebimbangannya kepada berlakunya fitnah kali kedua dalam pemilihan khalifah maka diwasiatkan kahlifah kepada anaknya Ini ialah kerana dia menyedari bani Umayyah tidak akan membenarkan khalifah diberikan kepada orang lain

Walau bagaimanapun sekelian ulama’ sepakat bahawa tugas Imam tidak boleh diwarisi tetapi dibolehkan memilih yang kurang berkelayakan kerana memelihara kemaslahatan umat.[9]

Ibnu Khaldun berkata: “Sekiranya tujuan mewariskan imam kepada anak kerana ingin memelihara kekuasaan qabilah maka ianya bukanlah daripada maqsid agama, kerana Imamah merupakan perintah Allah yang diberikan kepada sesiapa yang disukainya, oleh itu perlulah diperbetulkan niat, bimbang akan berlaku kepincangan dalam urusan pimpinan agama, sesungguhnya kekuasaan milik Allah diberikan kepada seiapa yang dikehendakinya.”[10]

Bai'ah

Walaupun perlantikan imam itu melalui pemilihan ahli al-halli wa al 'aqdi atau dengan cara 'al-ahd' tetapi tetap menjadi syarat berlakunya bai'ah ahli 'l halli wal 'aqd, kemudian bai'ah umat kepada imam. Maka perlu dijelaskan apakah itu bai'ah, jenis-jenis bai'ah dan syarat-syaratnya.

Bai'ah adalah daripada perkataan bai' iaitu pertukaran sesuatu dengan sesuatu dengan disertakan dengan akad, iaitulah pertukaran Imam yang menjualkan dirinya dan dengan ketaatan daripada umat.

Bai'ah ialah membuat perjanjian untuk mendengar dan mentaati imam dalam perkara yang diredai Allah.

Jenis-Jenis Bai'ah

1. Bai'ah Untuk Islam.

Iaitu dalam Bai'ah al-Nisa' atau bai`ah `Aqobah pertama.

> Jarir bin Abdullah (R.A.) berkata: "Aku berbai'ah dengan rasululillah dengan penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, menidirikan solat, mengeluarkan zakat, dengar dan taat dan menasihati muslimin." (Bukhari dan Muslim)

2. Bai'ah Untuk Menolong Dan mempertahankan Rasulullah (s.a.w.)

   - Sebagaimana dalam Bai'ah 'Aqobah Kedua.

3. Bai'ah Untuk Berjihad

   i. Sebagaimana dalam Surah Taubah ayat 111

   ii. Sebagaimana dalam Bai'ah al-Ridhwan.

4. Bai'ah Untuk Hijrah Dari Mekah ke Madinah.

Mujasya' bin Mas'ud berkata: Aku pergi bertemu rasulullah (s.a.w.) selepas 'Fathul Makkah' dan aku berkata: Aku datang dengan saudaraku kepadamu wahai rasulullah (s.a.w.) adalah untuk berbai'ah untuk berhijrah lalu rasulullah (s.a.w.) bersabda, ahli hijrah telah berlalu dengan segala masalahnya, aku berkata atas asas apa aku berbai'ah? Rasulullah (s.a.w.) menajwab: Aku berbai'ah di atas Islam, jihad dan kebaikan." (Bukhari dan Muslim)

5. Bai'ah Untuk Dengar Taat

Inilah bai'ah yang dimaksudkan dalam perbincangan ini.

Ubadah bin as Samit (R.A.) berkata: Kami telah berbai'ah dengan rasulullah (s.a.w.) untuk mendengar dan taat dalam keadaan senang dan susah, suka dan benci,

walaupun bebanan keatas kami dan supaya kami tidak membantah perintah orang yang berkeahlian melainkan sekiranyan kami melihat kekufuran yang nyata dan mempunyai bukti daripada Allah." (Bukhari dan Muslim)

Syarat Sah Bai'ah

1. Orang yang menerima bai'ah memiliki syarat-syarat Imam.
2. Mereka yang melakukan baia'ah ialah ahli al halli wal 'aqdi'.
3. Orang yang dibai'ahkan menerima perlantikannya, melainkan dia dipaksa kerana ketiadaan yang layak melainkan seorang
4. Yang menerima bai'ah hanyalah seorang.
5. Berbai'ah dengan kitab Allah dengan lidah dan amalan.
6. Bebas berbai'ah.

Cara Bai'ah

1. Bersalaman dan mengucapkan bai'ah.
2. Dengan Pengucapan sahaja.
3. Penulisan.

Bahagian Bai'ah

1. Bai'ah Perlantikan; tugas 'ahli al-halli wal 'aqd'.
1. Bai'ah Taat merupakan bai'ah umat.

Ketiga: Cara Kekerasan dan Perampasan Kuasa

Cara ini tidak disepakati ulama' keharusannya.

Pertama: Tidak Sah. Iaitu pendapat, kaum Khawarij, Muktazilah dan beberapa pendapata mazhab Syafi'iyyah

Kedua: Sah iaitu pendapat ahli al-Sunnah wa al-Jamaah.

Iaitu sekiranya Khalifah yang merampas mencukupi syarat-syarat seorang khalifah dan mendapat bai`ah sekelian rakyat.

[1] Muttafaq `Alaih.
[2] Al-Bukhari.
[3] Al-Nawawi: Syarah Soheh Muslim
[4] Nihayah al-Muhtaj.
[5] Surah al-Nisa'; ayat 59.
[6] Ibn Katsir, al-Tabari dan al-Qurtubi.

[7] Ibn Hisyam; *Seerah Ibn Hisyam*. Lihat juga Ibn. Saad, *Tabaqat al-Kubra.*
[8] Al-Mawardi.
[9] Abdullah Umar al Dimaiji; Al-Imamah al-`Udzma `Ind Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, Dar al-Tibah (1997) hal.195.
[10] Ibn. Khaldun, op-cit. hal. 212.

7.5. Tanggungjawab Khalifah

Bidangkuasa khalifah dalam *siyasah syar`ieyyah*, diistilahkan oleh ulama' sebagai tanggungjawab *wilayah al-Ammah*, ianya merangkumi segala bidang yang dapat mencapai kerahmatan hidup untuk manusia di dunia dan akhirat. Kerahmatan, kedamaian dan kenteraman hidup individu, keluarga dan masyarakat dan keadilan hak dan tanggungjawab sesama manusia merupakan amanah Allah kepada manusia yang dilantik Allah menjadi khalifah-Nya di dunia ini.

Keselamatan hidup di akhirat hanya tercapai sekirannya manusia beriman kepada Allah dan melaksanakan seluruh tanggungjawab yang ditaklifkan kepada mereka. Begitu juga kedamaian hidup di dunia dan keadilan sesama manusia tidak akan tercapai melainkan dengan melaksanakan segala perintah Allah kepada manusia.

Oleh itu bidang pelaksanaan *siyasah syar`ieyyah* merangkumi keseluruhan tuntutan Islam yang syamil dan kamil; bermula daripada membentuk masyarakat dengan acuan Islam, mendidik keluarga-keluarga Islam dengan akhlak dan adab-adab Islam, menyusun dasar dan sistem kemasyarakatan dengan sistem-sistem Islam, membentuk dasar-dasar negara dan sistemnya dalam pelbagai bidang; sistem pemerintahan, dasar pendidikan, dasar ekonomi, dasar kebudayaan, sistem kehakiman, dasar luar negara dan sebagainya dengan asas-asas Islam. Iaitu asas-asas yang membentuk budaya pengabdian diri kepada Allah dan mengharapkan akhirat dikalangan pemerintah dan rakyat. Seterusnya memimpin pegawai-pegawai dan masyarakat agar merealisasikannya dalam kehidupan.

Bidang-bidang ini bolehlah di simpulkan sebagai:

1. Esekutif dan pentadbiran.
2. Kehakiman
3. Kewangan
4. Dakwah dan Jihad.
5. Pendidikan dan Kekeluargaan.
6. Memelihara Keamanan.
7. Pembangunan dan Kebajikan Awam.

Tanggungjawab Khalifah

Daripada bidang-bidang tersebut bolehlah dihuraikan tanggungjawab yang wajib dipikul oleh khalifah dan institusinya seperti berikut:

- Mentadbir Urusan Agama
    - Mentadbir Urusan Dunia Dengan Agama

Mentadbir Urusan Agama

Memelihara agama sama ada yang berkaitan dengan perkara usul maupun furu'. Iaitulah dengan memelihara al-quran dan sunnah, memelihara keimanan umat, kefahaman Islam yang benar dan jelas, membentuk budaya kehidupan yang bertakwa di samping memerangi segala bentuk pengaruh dan ancaman yang boleh melunturkan keimanan dan penghayatan Islam di kalangan umat.

Segalanya ini dilaksanakan melalui:

1- Melaksanakan Tarbiyah Islamiah yang sebenar kepada umat, hadaf, manhaj dan perlaksanannya dengan tujuan melahirkan individu soleh, keluarga harmoni, masyarakat penyayang dan negara yang mendaulatkan Islam.

2- Menyebarkan dakwah Islamiah kepada seluruh manusia dengan segala media yang ada dengan menitik beratkan kepada menamkan keimanan kepada masyarakat dan melahirkan masyarakat yang bertakwa.

3- Mencegah segala punca-punca kemungkaran.

4- Menghapuskan khurafat, bid'ah dan segala kebatilan.

5- Memelihara keselamatan daulah Islam dengan jihad dan murabatoh.

6- Melaksanakan syariah Islam dan hukum-hukumnya.

7- Berusaha menggalakkan manusia meninggalkan segala yang diharamkan dengan cara targhib dan tarhib.

8- Mengharamkan segala bentuk hiburan yang boleh merosakkan budaya Islam Membentuk budaya hidup sihat dikalangan masyarakat.

Mentadbir Urusan Dunia Dengan Agama

Mentadbir urusan dunia dengan agama termasuklah meluaskan kekuasaan Islam, memelihara darul Islam, mentadbir dan menguruskan urusan dalam kerajaan dan rakyat, pendidikan, ekonomi, muamalah, kehakiman dan ketenteraman awam atau keselamatan negara.

a. Mentadbir Urusan Ketenteraan

Meluaskan empayar Islam dengan berdakwah, berjihad, membuat perjanjian sehinggalah dunia berada di bawah sistem Islam.

b. Memelihara Darul Islam

Dengan berjihad menentang musuh, golongan penentang dan memelihara kekuatan dalaman negara, kesatuan masyarakat keamanan dan keselamatannya.

c. Menyusun Pentadbiran Kerajaan

Penyusunan pentadbiran termasuklah membahagikan wilayah, memilih ahli syura, para menteri, gabenor, hakim dan pegawai-pegawai, membina sistem pentadbirannya dengan adil, melihat perlaksanaan tanggungjawab dan memberikan hak.

d. Membangunkan Negara

Termasuk di dalam bidang pembangunan ialah menyusun strategi pembangunan ekonomi, sosial, kewangan dan memastikan sistem yang dijalankan berasaskan prinsip-prinsip syariat di dalam siyasah al-syariyah.

Di dalam bidang ekonomi ialah mengurus sumber-sumber pendapatan negara dan mengagihkannya kepada yang berhak, menyusun strategi pelaburan, pembangunan mengembangkan sektor-sektor ekonomi dalam pertanian, perlombongan, perusahaan, pengeluaran, meluaskan pasaran dan sebagainya.

e. Mengurus Pentadbiran Kewangan

Menguruskan kemasukan kewangan negara dan perbelanjaannya seperti menguruskan harta zakat yang terdiri daripada harta tanaman, ternakan, galian, perniagaan dan sebaginya. Begitu juga menguruskan harta ghanimah, jizyah, usyur, kharaj dan cukai.

Menguruskan perbelanjaan negara termasuklah segala yang berkaitan dengan memelihara agama dan melaksanakan kemakmuran kepada umat dan menafkahkannya kepada mereka yang disebut oleh syarak sebagaimana yang dinyatakan di dalam setiap asnaf zakat, ghanimah dan al-fai'.

f. Membina Kemakmuran

Dengan menyediakan segala kemudahan prasarana; masjid, sekolah, universiti, hospital, kemudahan air, elektrik, komunikasi, lapangan terbang, telefon, pos jalan-raya, bank, takaful, pusat membeli belah, rekriasi dan sebaginya.

g. Mentadbir Urusan Hak dan Keadilan

Begitulah juga termasuk di bawah bidang kuasa *siyasah syar`ieyyah*, menguruskan urusan kehakiman yang menyelesaikan perselisihan, mengembalikan hak kepada yang

dizalimi, menghukum penjenayah. Melaksanakan hukum-hukum hudud, qisas dan ta'zir.

h. Sistem hisbah

Sistem yang melaksanakan tugas *al-amru bi al-makruf dan nahy `an al-munkar* dalam wilayah-wilayah Islam bagi mendisipkan umat agar mematuhi segala peraturan-peraturan Islam dalam urusan ibadah dan muamalah seharian.

8. Sumber Ijtihad Dalam Siyasah Syariyyah

Siyasah syar'ieyyah merupakan kaedah pemerintahan dan pentadbiran negara yang berlandaskan kepada syari'ah. Ia juga merupakan mekanisma hukum Islam yang diharuskan kepada pihak kerajaan Islam menggunakannya bagi menangani dan menyelesaikan perkara-perkara baru yang tidak dijelaskan oleh nas-nas syarak secara langsung. Justeru ia merupakan makanisma kerajaan maka sekiranya *ijtihad*[1] atau fatwa yang dikeluarkan oleh individu dalam masalah ini tidak dinamakan *siyasah syar'ieyyah* tetapi dinamakan *ijtihad*.

Walau bagaimanapun ianya merupakan sesuatu yang sukar kerana ianya melibatkan kepentingan umum seluruh rakyat atau kestabilan negara dari segi politik, ekonomi, keselamatan dan sebagainya.

Oleh kerana *siyasah syar'ieyyah* merupakan perkara yang tidak mempunyai nas-nas yang langsung maka ia hendaklah berlandaskan kepada ijtihad yang diterima oleh syarak. Hal ini menunjukkan betapa besarnya peranan kaedah-kaedah ijtihad dalam perlaksanaan *siyasah syar'ieyyah*. Lantaran itu sekiranya sesuatu siyasah itu tidak mengikut kaedah-kaedah yang dibenarkan oleh syarak maka siyasah tersebut tidak dianggap sebagai *siyasah syar'ieyyah* lagi.

Antara kaedah-kaedahnya ialah:

1- Al-Istislah

Maksudnya: mengeluarkan hukum-hukum syarak berdasarkan kaedah *masalih al-mursalah*. *Masalih al-mursalah* bermaksud *maslahah* yang menyokong *maqasid al-syari'ah* tetapi tidak dinaskan oleh syarak secara langsung penerimaan atau penolakannya.

Contohnya: menyalin semula al-quran dizaman Uthman Affan (R.A.)dan dihatar keseluruh wilayah, kemudian mengarahkan mashaf lain dibakar.

Tindakan ini tiada *nas*[2] yang nyata tetapi adalah berasaskan memelihar kemaslahatan umat Islam agar tidak berpecah.

Kerana maslahah kesatuan umat sesuatu yang dituntut oleh Islam

> *Maksudnya: "Hendaklah kamu berpegang teguh dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah." (Aali Imran: 103)*

Saidina Umar (R.A.) mengambil kharaj dari tanah Iraq dan Syam dengan tidak menjadikannya sebagai ghanimah yang dibahagi-bagikan kepada tentera.

Tindakan ini berdasarkan kepada maslahah negara dan umat iaitulah untuk menambah pendapatan negara, bagi menampung keperluan golongan tertentu yang tidak mampu seperti balu-balu syuhada' dan anak-anak yatim.

Kerana berasaskan kepada *nas* syarak::

Bermaksud: "Berilah mereka itu (anak yatim) rezeki daripada kamu dan berkatalah kepada mereka secara baik." (An-Nisa': 5)

Kedudukan *al-istislah* sebagai *kaedah ijtihad*[3] diterima oleh mazhab-mazhab Islam secara dasarnya cuma skop penggunaannya sahaja yang berbeza.

Al-Ghazali mensyaratkan untuk beramal dengan *kaedah istislah* ini beberapa perkara:

i. Hendaklah tidak bertentangan dengan hukum syarak yang di dapati daripada *nas* atau *ijma'*[4].

ii. Hendaklah ianya maslahah yang qat'i [5]bukan *dzanni*. Syaikh Khudari menyatakan bukan yang dimaksudkan *qat'i* oleh al-Ghazali ini ialah apa yang tiada *khilaf* tetapi perkara yang lebih kuat daripada *dzan.*

iii. Maslahah *Kulliah* [6]yakni maslahah umum umat bukan maslahah *Juziyyah*.

2. Asas Mengambil Kira Terhadap Kesan Daripada Sesuatu Hukum

Bererti melihat kesan sesuatu tindakan kepada masyarakat sama ada mendatangkan maslahah atau mafsadah. Maka dibawah kaedah ini terdapat beberapa pecahan antaranya:

Sadd al-Zarai'

Bermaksud mengeluarkan hukum syarak mengikut kaedah menutup saluran kerosakan, walaupun saluran itu pada asalnya harus. Namun pernah diperluas pemakaiannya kepada membuka jalan-jalan ke arah kebaikan dan manfaat.

Contohnya:

i- Allah melarang mencaci tuhan-tuhan orang kafir supaya mereka tidak mencaci Allah.

(Maksud surah Al-An`am: ayat 108)

ii- Rasulullah (s.a.w.) tidak membunuh orang-orang munafik supaya tidak difitnah bahawa rasulullah membunuh orang Islam.

iii- Para sahabat setuju menjatuhkan hukuman bunuh keatas satu kumpulan kerana membuat pakatan membunuh seorang mangsa.

iv- Diharamkan berkhalwat kepada lelaki dan perempuan yang bukan muhram, kerana ia membawa kepada zina.

v- Diharamkan hakim menerima hadiah daripada orang yang dihakiminya.

· **Menegah Tahayyul (Helah)**

Al-Syatibi mendefinasikan tahayyul sebagai:

"Melakukan sesuatu amal yang pada zahirnya diharuskan syarak dengan tujuan membatalkan hukum syarak dan mengubahnya pada zahirnya kepada hukum lain."

Contohnya: Seseorang menghibahkan sebahagian hartanya di awal tahun untuk mengurangkan nisab zakatnya dengan tujuan tidak mahu mengeluarkan zakat.[7]

Oleh itu helah ialah melakukan sesuatu amalan atau tindakan yang pada zahirnya sah untuk menukarkan hukum yang telah sabit di sisi syarak. Apabila sesuatu hukum yang ditentukan syarak itu haram atau halal bergantung kepada syarat-syarat tertentu seperti kewajiban zakat, haram talak bain untuk di rujuk semula, haram riba dan sebagainya.

Apabila seseorang mukallaf melakukan sesuatu tindakan yang halal tetapi dengan tujuan untuk tidak melaksanakan kewajiban syarak atau mengharuskan perkara yang diharamkan syarak maka ianya di anggap helah yang diharamkan.

Terdapat satu takrif lain yang kurang masyhur ialah: "Helah dengan cara yang di syariatkan atau dengan cara yang tidak di syariatkan dengan tujuan untuk menjatuhkan hukum syarak dan menukarkannya dengan hukum lain dimana hukum itu tidak jatuh dan tidak bertukar melainkan dengan melakukan helah tersebut, maka tindakan itu di lakukan dengan tujuan tersebut dengan diketahuinya bahawa tindakan itu tidak disyariatkan untuk tujuan tersebut."

Takrif ini merangkumi seseorang yang melakukan perbuatan yang ternyata haram dengan tujuan untuk menggugurkan kewajiban ke atasnya seperti seseorang yang sengaja meminum arak supaya mabuk yang boleh menggugurkan kewajiban solat. Atau seorang lelaki ingin berzina dengan seseorang wanita lalu diupah saksi palsu bagi menyatakan bahawa mereka telah berkahwin.

Helah ini di haramkan kerana tujuannya bertentangan dengan maqasid syara'.[8] Walaubagaimanapun Imam al-Syatibi tidak memasukkan helah yang dilakukan dengan menggunakan cara yang halal bertujuan untuk mendapatkan hak yang diiktiraf oleh syarak sebagai helah yang di haramkan

Tetapi beliau tidak membincangkan hukum seseorang menggunakan cara yang haram sebagai helah untuk mendapatkan haknya.

Sebaliknya dalam hal ini Imam Ibn Qayyim menyatakan hukumnya tetap haram kerana hadis rasulullah (s.a.w.)[9]

Maksudnya: " Tunaikan amanah kepada orang yang memberi amanah kepada kamu dan jangan kamu khianati orang yang mengkhianati kamu."

Oleh itu helah yang diharamkan ialah; melakukan perbuatan yang pada zahirnya halal tetapi untuk membatalkan hukum syar'i atau bertentangan dengan maslahah syarak. Sekiranya melakukan perbuatan yang haram sebagai helah maka lebih diharamkan.

· **5- Istihsan**

Istihsan dalam mazhab Malikiah ialah: Mengambil kira maslahah juzie ketika bertentangan dengan dalil kulli dengan rujuk kepada maslahah mursalah dan meninggalkan qiyas dengan melihat kepada maqasid syarak secara umum dalam perkara yang difardukan.[10]

Contohnya: Hukum membuka aurat kerana keperluan merawat anggota yang sakit atau keperluan perubatan.

Membuka aurat kepada ajnabi adalah haram berasaskan dalil kulli tetapi ianya bertentangan dengan maslahah juzie kepada pesakit yang memerlukan rawatan doktor ajnabi sedangkan mengutamakan dalil kulli yang mengharamkan melihat aurat akan membawa kepada kemudaratan kepada pesakit sedangkan maksud syarak ialah mendapatkan maslahat kepada umat manusia dan menjauhkannya daripada kemudaratan.

Maka hukum membuka aurat kepada doktor ajnabi diharuskan berasaskan dalil istihsan.

Ibn al-'Arabi mendefinasikan Istihsan sebagai: "Meninggalkan tuntutan dalil melalui pengecualian dan rukhsah kerana bertentangan dengan 'uruf, ijma', masalih al-mursalah, raf' al-haraj dan masyaqqah, dalam sebahagian tuntutannya."

Contohnya: Seseorang bersumpah dengan katanya dia tidak akan memasuki rumah.

Maka apakah hukumnya memasuki masjid yang juga dinamakan rumah Allah. Maka dengan menggunakan kaedah Istihsan seseorang itu tidak akan dikenakan kifarah sumpah apabila memasuki masjid kerana perkataan rumah biasanya difahami `uruf sebagai tempat tinggal.

Lantaran itu para fuqaha' menggariskan syarat-syarat tertentu bagi memenuhi objektif *siyasah syar`ieyyah* dan mengawal sebarang penyelewengan, eksploitasi dan penyalahgunaan kuasa yang membawa kepada kezaliman, penindasan, mengaut hasil-hasil negara untuk kepentingan peribadi yang akhirnya membawa kehancuran kepada kerajaan Islam

· **Syarat-Syarat *Siyasah syar'ieyyah* Sebagai Mekanisma Hukum**

Bertolak daripada itu para fuqaha' telah menggariskan syarat-syarat bagi menjaga kewibawaan *siyasah syar'ieyyah* sebagai mekanisma hukum dan keadilan yang sebenarnya.

Syarat-syarat tersebut ialah:

a- *Siyasah syar'ieyyah* hendaklah berlandaskan usul-usul atau kaedah-kaedah yang diterima oleh syarak seperti*: al-istislah, al-istihsan, maqasid al-syar'ieyyah, sadd al-zariah, tahqiq al-manat al-khas* dan sebaginya.

b- Siyasah syar'ieyya tidak boleh berlandaskan pemikiran yang bebas daripada dalil-dalil syarak, atau mengikut hawa nafsu.

c- *Siyasah syar'ieyyah* tidak membawa penderhakaan kepada Allah

d- *Siyasah syar'ieyyah* tidak bercanggah secara hakiki dengan nas-nas syarak.

e- Hendaklah tujuan memenuhi kepentingan umum dan rakyat kerana tindakan pemimpin terikat dengan kemaslahatan rakyat.

f- Hendaklah tidak bercanggah dengan ruh syar`iat[1] atau dasar-dasarnya.

[1] Ruh syari`at ialah: 1. Menghilangkan kesebersalahan ( `adam al-haraj), 2. Memudahkan (Taisir) dan 3. Tdak membebankan (`adam al-takalluf)

[1] Satu usaha yang bersungguh-sungguh yang dilakukan ulama' berkelayakan untuk memahami hukum syarak terhadap satu-satu masalah daripada dalil-dalil (sandaran) hukum syarak.
[2] Nas ialah ayat-ayat al-Quran atau Sunnah nabi (s.a.w.)
[3] Sandaran hukum syarak.
[4] Sesuatu hukum yang disepakati oleh seluruh ulama' sahabat.
[5] Sesuatu maslahah yang diyakini berasaskan dalil-dalilnya yang kuat.
[6] Maslahat untuk masyarakat umum bukan individu tertentu.
[7] Dr.Hussain Hamid Hassan; *Nazariah al-Maslahah Fi al-Fiqh al-Islami*.
[8] Al-Syatibi; op-cit.
[9] Ibn Qayyim; *I'lam al-Muwaqqa`in.*
[10] Al-Syatibi; op.cit.

9.1 Asas-Asas Pemerintahan Moden Dalam Piagam Madinah.

Piagam Madinah merupakan perlembagaan kerajaan Islam yang pertama yang ditulis sebagai asas pemerintahan yang menjadi sandaran pemerintahan rasulululllah saw dan hubungannya dengan rakyat yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama. Ianya merupakan implimentasi kepada asas-asas siyasah yang bersesuaian dengan keperluan semasa dan syarak. Penulisan perlembagaan ini menggambarkan hakikat ketelusan pemerintahan Islam dan keadilannya.

Mewujudkan perlembagaan yang bertulis yang sesuai dengan keperluan semasa walaupun al-Quran telah wujud menunjukkan kepada keperluannya bagi mentadbir sesebuah negara.

Berikut ialah beberapa asas kerajaan moden yang terdapat di dalam Piagam Madinah:

- **Penyataan Mengenai Ummah dan Kerakyatan**

Piagam Madinah telah menaskan mengenai pembentukan ummah, dan mentakrifkannya dengan menjadikan Islam sebagai asas kerakyatan dalam Daulah Islamiah yang baru disamping menjelaskan hak-hak dan tanggungjawab rakyat sebagaimana berikut:

Fasal 1. *Ini adalah tulisan daripada Muhammad seorang nabi dan utusan Allah, diantara orang-orang beriman daripada Quraisy dan penduduk Yathrib dan sesiapa yang mengikuti mereka, yang bertemu mereka dan berjihad dengan mereka.*

Fasal 2. *Mereka adalah satu ummah tanpa manusia lain.*

Fasal 3. *Muhajirin daripada Quraisy di atas keadaan mereka, saling menjadi `aqilah*[15] *antara mereka, mereka melepaskan tawanan mereka dengan makruf dan adil sesama mukminin.*

Begitu juga Piagam Madinah menyentuh mengenai kerakyatan bukan Islam daripada Yahudi dan musyrikin Mekah yang datang ke Madinah, dengan menentukan hak-hak dan tanggungjawab mereka, sebagimana dalam fasal berikut:

Fasal 24 *Orang-orang Yahudi perlu mengeluarkan perbelanjaan peperangan bersama orang-orang yang beriman apabila mereka berperang.*

Fasal 25. *Sesungguhnya Yahudi bani `Auf satu ummat bersama orang-orang yang beriman, bagi Yahudi agama mereka dan bagi muslimin agama mereka, hamba-hamba mereka dan diri mereka, melainkan sesiapa yang berlaku zalim sesungguhnya dia tidak membinasakan melainkan dirinya dan ahli keluarganya.*

Fasal 26. *Dan bagi Yahudi bani al-Najjar seperti apa yang menjadi hak dan tanggungjawab bani `Auf.*

· Pernyataan Mengenai Peribadi Ketua Negara.

Nas-nas Piagam Madinah menyatakan bahawa ketua kerajaan baru itu ialah rasulullah (s.a.w.). Kepadanyalah dirujuk dalam menyelesaikan segala perselisihan dan bagindalah yang akan memelihara nas-nas perlembagaan dan melaksanakan segala ketetapannya.

Sebagaimana dalam fasal 23*; Apabila kamu berselisih dalam apa perkara sekalipun maka rujukannya ialah kepada Allah dan Muhammad*. Begitu juga dalam fasal 42.

- **Mengakui Dasar Keadilan dan Persamaan.**

Sebagaimana dalam fasal 13; *Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan bertakwa, maka tangan mereka ke atas sesiapa yang melampaui batas di antara mereka, atau menuntut pemberian dengan cara yang zalim, dosa, permusuhan dan kemusnahan antara mukminin, maka tangan-tangan mereka diatas mereka semua walaupun keatas anak-anak salah seorang daripada mereka.*

Fasal 16; Sesungguhnya sesiapa dikalangan Yahudi yang mengikuti kami maka bagi mereka hak pertolongan dan persamaan tidak dizalimi dan tidak akan bertolong-menolong menentang mereka.

- **Pernyataan Dasar Perjanjian Perdamaian.**

Fasal 45: *Apabila orang-orang beriman di ajak berdamai bercampur dan bersekutu, mereka (Yahudi) akan berdamai dan bersatu begitu juga sekiranya mereka (Yahudi) diajak berdamai dan bersatu maka menjadi tanggungjawab orang-orang beriman menerimanya melainkan ke atas mereka yang berperang kerana agama.*

- **Pernyataan Mengenai Sempadan Kerajaan.**

Fasal 39 : *Yathrib merupakan bumi selamat di dalamnya kepada ahli perjanjian ini.*

Rasulullah saw telah menghantar beberapa orang sahabat untuk membina tanda sempadan Madinah.

- **Pernyataan Dasar Larangan Melakukan Perjanjian Secara Sendiri.**

Fasal 17 : *Bahawa perdamaian orang-orang yang beriman adalah satu. Seorang beriman tidak boleh membuat perdamaian tanpa mukmin yang lain dalam peperangan di jalan Allah, melainkan hendaklah diatas sama rata dan keadilan sesama mereka.*

- **Penyataan Menganai Dasar Dan Hak-hak Kejiranan.**

Fasal 40: *Sesungguhnya jiran seperti diri sendiri tidak dimudarati dan tidak diinaya.*

- **Dasar Takaful Dalam Melunaskan Hutang.**

Fasal 12, 25 : *Tidak dibiarkan orang-orang yang beriman terbeban dengan hutang, melainkan tunaikanlah untuknya dan bantulah dia begitu juga Yahudi dengan Yahudi.*

- **Dasar Berkaitan Keamanan Negara.**

Fasal 24, 36. *Mempertahankan Madinah merupakan tanggungjawab semua penduduk dan mereka yang tinggal dibuminya.*

Jelas di sini bahawa piagam Madinah telah meletakkan asas yang penting kepada sesebuah kerajaan dengan menentukan kuasa perundangan, kuasa eksekutif dan kuasa kehakiman disamping menyatakan hak-hak dan tanggungjawab rakyat dan kerajaan.

Piagam Madinah merupakan asas sistem pemerintahan yang moden sebagaimana yang dilaksanakan pada hari ini. Walau bagaimanapun isi piagam Madinah adalah berasaskan keperluan semasa kerajaan Islam ketika itu tetrutamanya nas-nas perlembagaan yang berkaitan dengan umat Yahudi dan qabilah-qabilah yang lain. Namun begitu ianya tidak terkeluar daripada memperuntukan tiga kuasa penting sebagaimana yang dinyatakan tadi.

9.2 Ketuanan Dan Pemecahan Bidangkuasa Dalam Islam Dan Kerajaan Moden

Islam adalah agama dan pemerintahan. Tidak ada pemisahan antara dunia dan akhirat. Dunia adalah laluan ke akhirat. Malah Allah menghalang sesutu kemungkaran dengan kekuasaan yang tidak dapat dihalang dengan al-quran.

"Syariah adalah asas dan kerajaan adalah pemeliharanya, sesuatu yang tiada asas akan tumbang dan sesuatu yang tiada pemeliharanya akan hilang." **[16]**

Teori Kekuasaan (Kuasa tertinggi)

Dalam pemerintahan di Eropah sebelum tercetusnya revolusi pada tahun 1789 kuasa tertinggi terletak kepada raja yang memerintah. Kuasa raja bersandarkan kepada fatwa-fatwa dan perundangan yang dbuat oleh padri. Lantaran itu pemerintahan raja adalah pemerintahan yang berasaskan kepada asas teokratik.

Selapas berlakunya revolusi 1789 rakyat telah memindahkan kuasa tertinggi ini kepada ummah dengan membentuk kerajaan demokrasi.

Persoalannya adakah pemerintahan Islam merupakan pemerintahan teokratik yang berasaskan kepada kuasa mutlak khalifah atau berasaskan kepada kuasa rakyat jika dibandingkan kepada teori pemerintahan Barat.

Pendapat Pertama.

Al Maududi menyatakan:

1. *Al-Siyadah atau al-Hakimiah*, hanyalah milik Allah dan bukan milik manusia lain, malah nabi s.a.w. tidak mengikut melainkan wahyu. Oleh itu kuasa perundangan juga adalah milik Allah.

2. Kerajaan Islam ialah kerajaan *theocracy* (kerajaan Allah) tetapi berbeza dengan *theocracy* yang difahami oleh orang-orang Eropah, yang memahami hanya golongan *ruhban* sahaja berkuasa membuat perundangan kemudian mereka berkata undang-undang itu daripada Allah.

Tatapi *theocracy* Islam tidak dimonopoli oleh golongan padri dan ahli agama tetapi ditangan ummah keseluruhannya yang menguruskan pentadbiran mengikut kitab Allah dan sunnah rasulnya.

Pendapat Kedua.

Abdul Wahhab Khallaf dan Muhammad Rasyid Reda.

Dalam Islam ummah merupakan sumber perundangan (*demokrasi*) berdalilkan kepada kewajiban syura, tanggungjawab ulil `amr dan perlantikan khalifah dengan baiah umum.

Walau bagaimanapun mereka bersepakan bahawa perundangan itu hendaklah tidak bertentangan dengan Al-Quran dan sunnah mutawatir.

- **Kuasa Pengasas.**

Mereka yang berkuasa membentuk perlembagaan atau mengubahnya. Iaitu dengan dilantik *haiah ta'sisiah.* Dalam sejarah Islam mereka ialah ahli al halli wa al`aqdi dengan rujukan asasinya ialah Al-Quran dan al-Sunnah.

- **Kuasa Perundangan.**

Kuasa Perundangan dalam Islam mempunyai dua makna:

1. Mengadakan hukum syarak
2. Menjelaskan hukum berdasarkan asas-asas syari`ah.

Kuasa perundangan dalam pengertiannya yang pertama hanyalah kepada Allah manakala pada pengertiannya yang kedua berlaku selepas zaman rasulullah saw di zaman para sahabat sehinggalah kini yang dipertanggungjawabkan kepada ahli al-halli wa al-`aqdi dan ulama mujtahidin.

Dalam kerajaan moden kuasa ini terletak kepada wakil-wakil rakyat yang dilantik melalui proses pilihanraya umum. Peruntukan undang-undang akan dibahaskan dan diluluskan di Dewan Rakyat.

- **Di Zaman Rasulullah s.a.w.**

Kuasa perundangan hanyalah pada rasulullah s.a.w dengan berpandukan wahyu atau ijtihad yang diakui oleh Allah.

Zaman Rasulullah (antara tahun 610-632 m) . Fasa perundangannya (Marhalah tasyri') dan kehakiman berlaku hanya selepas hijrah iaitu selepas tahun (622 m)

- **Selepas Zaman Risalah.**

Perundangan dalam maksud kedua dilakukan oleh para mujtahidin dan juga khalifah.

Kuasa Eksekutif (Sultah Tanfiziah)

Kuasa eksekutif dizaman Islam ialah:

1. Diketui oleh Khalifah.
2. Dibantu oleh Umara' (gabnor) Wilayah.
3. Para menteri (Wuzara')
4. Amil zakat dan jizyah

Kuasa Kehakiman (Sultah Qadaiyyah)

Antara tugas kuasa kehakiman dalam islam ialah :

Menyelesaikan pertelingkahan

Melaksanakan Hudud

Mengembalikan hak yang dizalimi

Siyasah Antarabangsa (Siyasah Kharijiah.)

Terdapat dua pendapat mengenai dasar hubungan luar dalam Islam.

Pendapat 1.

Wajib berjihad menentang pemerintahan kuffar yang enggan memberi kekebasan kepada rakyatnya beriman kepada ajaran islam dan mematuhi sistem-sistem Islam. Maka asas hubungan luar ialah berperang.

Kerajaan Islam juga diistilahkan sebagai *Dar al-Islam* iaitu negeri yang terlaksana di dalamnya hukum Islam, aman di dalamnya golongan kafir yang diberi keamanan.

Dar al-`Ahd, ialah kerajaan bukan islam yang terikat dengan perjanjian damai sementara dengan kerajaan Islam.

Ahli Zimmah, orang bukan Islam yang menjadi rakyat dar al-Islam.

Pendapat 2

Asas hubungan luar dengan dar al-Kufr ialah perdamaian. Jihad hanyalah diwajibkan apabila dakwah tidak aman dan terhalang oleh kuasa kuffar.

Dasar Kewangan .

Pendapatan.

Sumber kewangan dalam Islam ialah harta zakat, ghanimah, al-fai’,
jizyah, kharaj dan `usyur.

Perbelanjaan.

Perbelanjaannya adalah berasaskan asnaf zakat, al-ghanimah dan maslahah ammah.

Pemerintah dalam daulah Islam bukanlah milik sesuatu ummah, peribadi, kelompok atau golongan tertentu, kerana asas pemerintahan dalam perundangan Islam ditentukan oleh perlembagaan asas yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. Malah manusia tidak boleh berkumpul dan berpakat untuk mengubahnya.

Begitu juga asas kekuasaan dalam undang-undang Islam telah menyelesaikan masalah berkaitan dengan kekuasaan, kerana ianya tidak diserahkan kepada mana-mana peribadi, raja, khalifah atau pemerintah sebaliknya diserahkan kepada suatu kumpulan dengan ikatan tertentu iaitulah ikatan syarak, pengawasan dan keahlian.

Rasulullah (s.a.w.) selain baginda sebagai seorang rasul, baginda juga menguruskan sebahagian besar urusan muslimin dalam bidang siyasah, kemasyarakatan dan ekonomi.Memandangkan keluasan wilayah Islam tidaklah begitu luas maka belum wujud keperluan untuk membentuk organisasi pelaksana yang lebih besar.

Malah sebahagian tanggungjawab pentadbiram dan tugas-tugas siyasah diagihkan kepada beberapa peribadi yang berkemampuan dan layak bagi membantu rasulullah (s.a.w.) mentadbir urusan ummah di bidang politik, ketenteraan dan kehakiman. Pembahagian ini samalah seperti pembentukan kementerian seperti di zaman ini.

9.3 Institusi Perlaksana

Syariat Islam yang terkandung di dalam al-Quran, merupakan sistem hidup yang diturunkan oleh Allah kepada manusia. Maka adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk melaksanakannya mengikut fitrah kemanusiaannya. Rasulullah (s.a.w) telah berusaha membentuk daulah Islam Madinah melalui membina ummah dan memperlengkapkan mereka melalui proses tarbiyah sehingga mereka mampu meneruskan tanggungjawab baginda setelah kewafatannya.

Institusi pelaksana kepada syari`ah Islam terdiri daripada Khalifah yang dipilih oleh ummat Islam dan pembantunya bagi melaksanakan amanah Allah kepada mereka.

· **Kuasa Perundangan Tertinggi**

Tidak ada perselisihan ulama' bahawa kuasa tertinggi perundangan dalam pemerintahan Islam adalah kembali kepada Allah S.W.T. Semua dasar dan sistem yang hendak dilaksanakan hendaklah tidak bertentangan dengan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Lantaran itu al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah (s.a.w.) merupakan rujukan asasi dalam memahami asas-asas pemerintahan Islam.[1]

Penyerahan hak *hakimiyyah* kepada Allah akan menjamin tercapainya hak-hak kebebasan manusia, kemuliaan dan kemaslahatan mereka. Sebaliknya menyerahkan hak ini kepada manusia merupakan satu penyekutuan pada hak *rububiyyah* Allah yang merupakan *al-Malik* atau pemerintah manusia. Malah penyerahan kuasa ini kepada manusia akan menjadikan manusia ditindas dan diperhambakan oleh manusia sendiri dalam mengejar wawasan keduniaan dan hawa nafsu mereka.[2]

Golongan yang bertanggungjawab memikul tugas perundangan ini ialah para mujtahid dan para mufti. Di zaman Khulafa ar-Rasyidin, khalifah akan mengumpulkan sahabat-sahabat besar untuk bermesyuarat dalam menentukan sesuatu hukum yang hendak diputuskan. Para ulama' mengistilahkan mereka ini sebagai *ahli al-halli wa al-aqd*.[3]

Umat Bertanggungjawab Melaksanakan Syariah

Manusia merupakan wakil Allah di muka bumi ini di dalam menyampaikan syari'at-Nya kepada manusia dan melaksanakannya melalui kuasa ijtihad. Kuasa ijtihad ini digunakan untuk memahami hukum-hukum Allah, menentukan batas-batas halal haram, menggariskannya kewajiban dan menyusun kehidupan manusia berasaskannya.

Untuk melaksanakan tanggungjawab ini perlu wujud kuasa pelaksana yang dilantik oleh umat sebagai wakil mereka di dalam menyusun pentadbiran umat ke arah melaksanakan syariat Allah bagi mencapai kemaslahatan mereka di dunia dan akhirat.

Oleh itu perlantikan kuasa pemerintahan merupakan tuntutan syarak dalam menerajui umat manusia ke arah yang diredai Allah S.W.T.

Kuasa Eksekutif- Khalifah

Takrif Khalifah.

Khalifah, *Imamah al-Udzma*, atau *Amir al-Mukminin* merupakan perkataan seerti yang menunjukkan kepada kepimpinan tertinggi dalam pemerintahan Islam. Para ulama' telah mentakrifkan maksud perkataan khalifah dengan pelbagai takrif yang mempunyai makna yang sama.

Al-Dahlawi berkata: "Al-Khalifah: Ialah kepimpinan tertinggi yang bertanggungjawab menegakkan agama dengan menghidupkan ilmu-ilmu agama, menegakkan rukun-rukun Islam, melaksanakan jihad dan segala yang berkaitan dengannya seperti menyusun tentera, menyediakan segala keperluan untuk peperangan, membahagikan *al-fai'*, melaksanakan tugas kehakiman, melaksanakan hudud, menghilangkan kezaliman melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar sebagai menggantikan tugas Nabi(s.a.w.)."[4]

Al-Mawardi Berkata: "Al-Imamah: Di letakkan sebagai pengganti Nabi untuk memelihara agama dan mentadbir dunia dengan agama."[5]

Ibn Khaldun menjelaskan tugas Imamah dengan katanya: Ia adalah memimpin keseluruhan umat mengikut pandangan syarak untuk kemaslahatan mereka dunia dan akhirat: Kerana seluruh urusan dunia di sisi syara' akan kembali kepada kemaslahatan akhirat. Maka khalifah pada hakikatnya bermaksud menggantikan Tuan syariat (Allah) untuk memelihara agama dan mentadbir dunia dengan agama.[6]

[1] Wahbah Al-Zuhaili; *Fiqh Islami Wa Adillatihi,* Damsyik, Dar al-Fikr (1985) hal.651.
[2] ibid.
[3] Ibid, lihat juga Abdul Wahab Khallaf, op.cit hal 43.
[4] Sadik Hassan Khan : *Iklil al-Kiramah Fi Tibyan Maqasid al-Imamah*, hal.22
[5] Al-Mawardi, *Al-Ahkam al-Sultaniyah,* Kaherah, hal. 3.
[6] Ibn Khaldun; al-Muqaddimah, hal.191.

9.4 Asas-Asas Perjawatan Dalam Islam.

Islam telah meletakkan asas-asas dalam menyusun kehidupan, termasuklah asas-asas menyusun bidang-bidang kuasa dan sifat-sifat ahli yang berkelayakan untuk memegang mana-mana kekuasaan.

1. Kepakaran

Dalam al-quran terdapat contoh-contoh perlantikan seseorang memegang sesuatu amanah yang berdasarkan kelayakan khusus. Antaranya kisah Yusuf (a.s.) sebagaimana firman Allah yang bermaksud : " Katanya, jadikanlah aku yang mengurus khazanah bumi, sesungguhnya aku seorang yang memelihara dan berilmu"[17]

Begitu juga firman Allah bermaksud: " Sesungguhnya Allah memilihnya (Talut) menjadi raja keatas kamu dan telah dibekalkan kepadanya keilmuan dan badan yang kuat"[18]

2. Paling Layak.

Ramai dikalangan manusia yang mempunyai kepakaran tertentu, tetapi siapakah dikalangan mereka yang paling layak untuk memikul tanggungjawab yang merupakan suatu amanah yang berat, maka wajiblah dipilih dan berhati-hati.

Sabda rasulullah (s.a.w.) maksudnya :

" Sesiapa yang melantik seseorang memimpin urusan muslimin, lalu dia melanti seorang lelaki sedangkan dia dapati disana seorang lain yang lebih memberi maslahat kepada muslimin daripada pilihannya maka beliau telah mengkhianati Allah dan rasulnya"

Dalam riwayat yang lain:

" Sesiapa yang melantik seorang lelaki memimpin suatu kumpulan sedangkan di dapatinya pada kumpulan itu seseorang yang lebih diredai daripadanya, sesungguhnya dia telah mengkhianati Allah dan rasulnya"[19]

Omar al-Khattab (r.a) berkata : “ Sesiapa yang melantik seseorang memimpin sesuatu urusan muslimin, lalu dilantik seorang lelaki kerana wujud kasih sayang atau hubungan kaum kerabatnya antara mereka, sesungguhnya dia telah mengkhianati Allah, rasulnya dan kaum muslimin”

3. Amanah.

Ulamak Islam sepakat menjadikan amanah sebagai syarat bagi sesiapa sahaja yang menjadi pemimpin urusan muslimin sehinggakan pada menguruskan harta anak yatim, harta waqaf dan wakil seseorang lelaki pada hartanya.

Sabda rasulullah (s.a.w.) : “ Apabila dikhianati amanah maka tunggulah kiamat” lalu ditanya, wahai rasulullah bagaimanakah mengkhinatinya? Sabda baginda: “ Apabila diserahkan kepimpinanbukan kepada ahlinya maka tunggulah kiamat”[20]

Seorang yang ahli `Azimah dan Kuat

Kekuatan dalam pemerintahan ialah seorang yang adil, berilmu terhadap tanggungjawab yang diamanahkan dan cara melaksanakannya, berkemampuan untuk melaksanakannya, dan sanggup memikul segala risiko dan cabarannya.

Rasulullah s.a.w. telah melantik Khalid al-Walid menjadi panglima perang sejak keIslamannya.

9. Pembentukan Daulah Nubuwwah

Pedahuluan.

Manusia adalah masyarakat yang bertamaddun, hidup secara berkelompok dan saling memerlukan antara satu sama lain. Telah terbukti di sepanjang sejarah manusia, sudah wujud kelompok manusia yang dipimpin oleh seorang ketua sehingga membentuk kerajaan dan empayar, seperti kerajaan Rom, Parsi, Saba', Habsyah, Mesir dan sebagainya.

Apabila manusia dipimpin oleh pemimpin yang tidak menjadikan wahyu Allah sebagai landasan pemerintahannya, sebaliknya hanya berasaskan kepada akalnya semata-mata akan menjadikannya lebih terpengaruh dengan keinginan hawa nafsu. Keadaan ini akan menjadikan rakyat jelata berada ditahap yang paling hina. Mereka menjadi hamba kepada manusia yang bergelar raja yang seringkali melampaui batas.Kezaliman, penindasan dan penganiayaan akan berleluasa dalam masyarakat. Manusia hidup diburu ketakutan dan dihantui dengan perasaan kebencian, dendam dan kekecewaan.

Lantaran itu manusia memerlukan seorang pemerintah yang menjadikan wahyu Allah sebagai panduan agar beliau dapat memimpin mereka kepada kehidupan yang harmoni. Manusia memerlukan sistem dan peraturan hidup yang dapat menjamin keadilan hak dan tanggunjawab sesama mereka. Manusia yang melakukan kesalahan dan jenayah perlu diadili dan dihukum. Mereka yang dizalimi perlu dibela dan dikembalikan hak-haknya yang telah dirampas. Semuanya ini menuntut kepada satu kuasa yang boleh mengarah dan dipatuhi. Kuasa yang menjamin keadilan untuk semua.

Allah s.w.t. yang menjadikan manusia dengan segala bebanan amanah di dunia ini sudah pasti tidak akan membiarkan manusia terumbang-ambing mencari-cari apakah sistem yang akan dilaksanakan bagi mencapai tujuan ini. Malah inilah tujuan manusia diciptakan oleh Allah S.W.T. supaya mereka memakmurkan muka bumi dan membangunkannya berlandaskan sistem dan panduan yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Lantaran itu manusia dilantik

sebagai khalifah Allah di bumi sebagai sebahagian daripada tugas memperhambakan diri kepada Allah.

Sistem pemerintahan yang diperlukan ini telah wujud dalam Islam, telah dilaksanakan dan telah berjaya membawa manusia menuju matlamat mereka diciptakan. Namun begitu untuk melaksanakannya umat Islam tidak melalui jalan yang mudah sebaliknya telah mengorbankan ramai syuhada' masa dan harta benda. Rasulullah (s.a.w.) dan para sahabat (R.A.) yang bersamanya telah meletakkan asas penting kepada Daulah Nubuwwah di Madinah yang akhirnya berkembang menjadi sebab terlaksananya Rahmat Allah keseluruh alam.

Walaupun Barat menolak penguasaan Islam ke atas wilayahnya dan memerangi umat Islam diseluruh dunia tetapi mereka tidak dapat menolak asas-asas kemanusiaan yang telah dibawa oleh Islam. Mereka memperjuangkan kebebasan dan hak-hak kemanusiaan yang telahpun dilaksanakan di dalam pemerintahan Islam. Hasil perjuangan mereka berlakulah revolusi Perancis yang akhirnya mengubah kehidupan dan kekuasaan Barat. Kebangkitan Barat pada akhir abad ke 18 tidak lain daripada pengembangan ilmu yang mereka ambil daripada tamaddun keilmuan Islam. Antara ilmu yang dikembangkan ialah ilmu undang-undang perlembagaan dan dasar-dasar pemerintahan yang disesuaikan dengan pemikiran sekular mereka. Barat tidak mahu mengakui bahawa ilmu-ilmu yang mereka kembangkan adalah ilmu-ilmu Islam sebaliknya memutuskan terus seluruh ilmu itu daripada Allah S.W.T.

Persoalan pemerintahan, kekuasaan atau tanggungjawab sebagai khalifah Allah S.W.T. di muka bumi ini telah dinyatakan oleh Allah Azza wa Jalla kepada nabi Muhammad s.a.w. sejak permulaan Islam lagi.[1] Banyak ayat-ayat Makkiah yang telah membayangkan hakikat ini dalam menceritakan perjuangan rasul-rasul terdahulu. Ada rasul-rasul yang menjadi khalifah Allah di muka bumi seperti nabi Daud dan nabi Sulaiman a.s[2]. Begitu juga kisah nabi Yusuf a.s.dan Zulqarnain[3]. Selain daripada membentangkan sifat-sifat mereka sebagai khalifah al-Quran juga menggambarkan kesannya kepada kehidupan manusia ketika itu hasil daripada keadilan mereka. Selain daripada itu al-Quran juga membawa kisah-kisah raja yang memerintah mengikut hawa nafsu dan membuat kezaliman dan kesannya kepada kehidupan rakyat seperti kisah Namrud, Firaun, Raja dalam kisah *ashab al-Kahf* dan *ashab al-Ukhdud.*

Semua kisah-kisah ini diturunkan di Mekah ketika dakwah rasulullah s.a.w. masih diperingkat permulaan, diperingkat mengasaskan tapak-tapak dan penegakkan tiang-tiang kepada Daulah Islamiah. Kisah-kisah ini menggambarkan bahawa tidak ada suasana rahmat dan kedamaian hidup kepada ummat melainkan di bawah kekuasaan Islam dan khalifah al-nubuwwah. Maka tugas rasulullah s.a.w sebagai pembawa rahmat keseluruh alam[4] tidak akan tercapai melainkan umat manusia berada di bawah kepimpinan wahyu Allah.

Namun begitu matlamat ini hanya terlaksana apabila wujudnya tanah air tertentu bagi rakyat yang beriman dengan Islam, menghayatinya, tunduk dan patuh dengan segala perintah Allah di samping wujudnya kuasa pemerintahan dengan segala kakitangannya sama ada eksekutif, penggubal undang-undang dan kehakiman yang juga menghayati tuntutan Islam.

Lantaran itu perjuangan rasulullah s.a.w. tidak hanya sekadar menjelaskan konsep-konsep ketauhidan, membina syakhsiah yang berakhlak tinggi dan mengembalikan perhambaan manusia kepada Allah dalam ibadah khusus semata-mata, sebaliknya baginda berusaha membentuk sistem politik dengan mengasaskan sistem pemerintahan dalam gerakannya sehinggalah tertegaknya Daulah Madinah.

Daulah Islam Madinah adalah daulah fikrah dan daulah wahyu. Di mana seluruh rakyat dan pemerintah beriman dengan fikrah Islam, menghayatinya, melaksanakannya dan memperjuangkannya. Ternyata Daulah ini yang tertegak buat pertama kalinya di bawah pimpinan rasulullah s.a.w. telah berkembang meluaskan ufuknya dan mewariskan rahmatnya sehinggalah jatuhnya kerajaan Turki Uthmaniah pada 1924 yang lalu. Dengan kejatuhan kerajaan Uthmaniah ini telah membuka jalan yang luas kepada Barat yang sudah mula bangkit sejak berlakuknya revolusi Perancis pada 1789 untuk melemahkan umat Islam dan menghalang umat Islam daripada bangkit semula menguasai pemerintahan dunia. Apabila selesai perang dunia kedua dunia-dunia Islam yang dijajah telah di bahagi-bahagikan di antara kuasa Barat yang akhirnya menerapkan seluruh sistem dan perundangan Barat ke dunia Islam hingga kini.

Dalam bab ini akan dijelaskan bahawa kebanyakan teori pemerintaan yang adil mengikut pemikiran barat tidak lain dan tidak bukan adalah berasaskan sistem pemerintahan yang pernah dilaksankakan oleh rasulullah s.a.w. Oleh kerana kedegilan barat menolak Islam maka

mereka hanya meletakkan neraca pemikiran manusia yang terbatas sebagai landasan pemerintahan mereka.

Definasi Kerajaan.

Ahli undang-undang perlembagaan mendifinasikan kerajaan seperti berikut:

“ ***Sekelompok manusia*** (rakyat) ***yang menetap di suatu tempat secara berterusan*** (tanah air) ***yang dikuasai oleh satu badan yang mentadbir urusan mereka di dalam dan di luar (*** kuasa pemerintah)”.[5]

Oleh itu asas sesebuah kerajaan ialah terdiri daripada:

1- Rakyat.

2- Tanah air.

3- Kuasa pemerintahan.

Daripada definasi ini di fahami bahawa masyarakat manusia yang tidak menetap disatu-satu tempat seperti qabilah-qabilah Arab Badawi tidaklah dianggap sebuah kerajaan. Begitu juga sesebuah masyarakat yang tidak memiliki kuasa tertentu dalam mentadbir urusan mereka juga bukanlah sebuah kerajaan.

Ternyata daripada definasi tersebut bahawa kerajaan Nubuwwah menepati perspektif sebuah kerajaan moden.

Proses Pembentukan Kerajaan Nubuwwah.

Kerajaan Nubuwwah di Madinah tidak terbentuk secara kebetulan. Pembentukan berlaku setelah berlakunya satu proses perubahan aqidah manusia dan anutannya, *intima'*[6] dan *wala'*[7]nya kepada Islam. Perubahan aqidah, *intima'* dan *wala'* ini telah menggerakkan mereka beramal kepada membina satu cara hidup Islam berasaskan akhlak dan budaya hidup yang berlandaskan al-Quran. Perubahan ini menjadikan mereka menolak segala fahaman jahiliyyah dan budayanya, menolak sistem dan kekuasaannya sehingga berlakulah pertembungan antara Islam dan jahiliyah. Akhirnya Allah membuka jalan kepada kemenangan setelah rasulullah sa.w. berusaha dengan pelbagai wasilah yang termampu. Dengan pengIslaman golongan `Aus dan Khazraj daripada Yathrib telah membuka lembaran sejarah baru kepada perjuangan Islam di Mekah yang membawa kepada kelahiran Kerajaan Islam Pertama . Kelahiran kerajaan Islam pertama ini telah di asaskan kepada beberapa perkara:

1. **Dakwah Islamiyyah dan Membina Rakyat.**

Sesiapa yang memerhatikan proses pembentukan kerajaan Islam akan memahami bahawa; proses itu bermula dengan dakwah rasul (s.a.w.) mengajak manusia beriman kepada Allah sebagai Rab dan Ilah. Rasulullah (s.a.w.) menjelaskan hakikat Islam kepada manusia, mendidik dan membina orang-orang yang beriman dengan aktiviti pembinaan rohani seterusnya menyatukan hati-hati mereka di atas asas persaudaraan Islam yang saling bantu membantu dan berkasih sayang. Namun begitu dakwah Islam tidak berhenti setakat itu sahaja sebaliknya telah mengasaskan batu-bata yang kukuh ke arah menampung binaan Islam selepasnya.

Idea pemerintahan Islam, keamanan kehidupan ummah dibawah kekuasaan Islam telah wujud di dalam pemikiran rasulullah (s.a.w.) sejak awal-awal lagi.

Diriwayatkan daripada Khabbab (R.A.) katanya : Aku telah bertemu rasulullah (s.a.w.) yang sedang bersandar di kelambu Ka'bah setelah kami telah menerima azab daripada Quraisy lalu

aku berkata : Kenapakah tuan tidak berdoa kepada Allah ? Lalu baginda duduk, dan merah wajahnya seraya bersabda maksudnya:

" *Sesunggunya mereka yang sebelum kamu disikat dengan sikat besi diantara daging dan tulang mereka atau urat saraf, segalanya ini tidak menjauhkan mereka daripada agama mereka dan diletakkan gergaji ditengah-tengah kepala mereka sehingga terbelah dua, seganya ini tidak menjauhkan mereka daripada agama mereka. Nescaya Allah akan sempurnakan urusan ini sehingga seorang yang menunggang kenderaan daripada Son`a hingga ke Hadralmaut tidak akan takut melainkan Allah Azza Wa Jalla dan serigala terhadap kambingnya, tetapi kamu terburu-buru*"[8]

Fikrah membentuk Daulah Islamiah tidak terpisah daripada pemikiran rasulullah (s.a.w.) malah baginda merintis jalan kepadanya dengan membina *rijal*[9] sehingga mereka menjadi rakyatnya dan tenteranya sebelum berhijrah.

2. Mencari Tapak (Bumi)

Selepas beberapa orang daripada masyrakat Quraisy memeluk Islam, maka Islam mula tersebar di bumi Mekah. Qurasy akhirnya merasai bahaya kedatangan Islam di Mekah dan mula menyakiti umat Islam. Ramai umat Islam yang lemah disiksa supaya mereka meninggalkan agama Islam dan kembali kepada agama asal mereka. Rasulullah (s.a.w) tidak mempunyai kuasa untuk melindungi para sahabatnya daripada penyiksaan Quraisy lantas rasulullah memikirkan suatu tempat yang dapat melindungi umat Islam dan agamanya.

Hijrah Ke Habsyah

Sabda Rasulullah s.a.w. " *Sekiranya kamu pergi ke bumi Habsyah, sesungguhnya di sana terdapat seorang Raja yang tidak menzalimi sesiapapun, ia adalah bumi benar, **sehinggalah** Allah memberikan kepada kamu perlepasan daripada apa yang kamu rasai ini*"[10]

Ini membuktikan bahawa hijrah ke Habsyah hanyalah sementara sehingga tertegaknya Daulah Islamiah.

Mencari Pertolongan daripada Qabilah-qabilah Arab.

Tidak ada penafsiran yang lojik apabila rasulullah (s.a.w.) menawarkan dirinya kepada kabilah-kabilah Arab dan meminta bantuan mereka melainkan difahami bahawa rasulullah (s.a.w.) sedang mencari bumi yang aman dan selamat untuk dakwah Islamiah, sehingga dapat dilaksanakan Syari`at Allah dalam kehidupan seluruhnya.

Al-Zuhri menceritakan bahawa rasulullah (s.a.w.) telah menemui Bani `Amir bin Sa'sa`ah dan menyeru mereka kepada Islam dan menawarkan dirinya memimpin mereka, lalu seorang lelaki daripada mereka yang dipanggil Buhairah bin Faras berkata: Demi Allah sekiranya aku mengambil pemuda Quraisy ini nescaya aku akan dapat menguasai Arab dengannya, kemudian dia berkata kepada rasulullah (s.a.w): Apa pendapat kamu sekiranya kami mengikuti kamu diatas urusan kamu sehingga Allah mengalahkan mereka yang menentang kamu adakah kamu akan menyerahkan urusan ini kepada kami selepas kamu?

Sabda Rasulullah *: "Urusan ini adalah urusan Allah yang akan diberikan kepada sesiapa yang disukainya"*

Katanya, lalu dia berkata kepadanya nabi Muhammad (s.a.w): Apakah kami akan jadikan belakang kami sebagai sasaran Arab untuk mempertahankan kamu, maka apabila Allah memberikan kemenangan kepada kamu tetapi urusan ini diberikan kepada orang lain!! Kami tidak perlu kepada urusan kamu ini".[11]

Daripada peristiwa ini dapat difahami dua perkara:

· Rasulullah saw berdakwah memberi kefahaman kepada qabilah Arab dan mencari bumi dan rijal.

· Qabilah Arab memahami hasrat rasulullah saw untuk membentuk kerajaan sebab itu mereka menuntut hak kekuasaan selepas rasulullah saw.

Bai`ah Aqobah

Peristiwa bai`ah al-`Aqobah di antara rasulullah (s.a.w.) dan golngan `Aus dan Khazraj daripada Yathrib merupakan titik tolak penting yang akhirnya mencetuskan penubuhan Daulah Nubuwwah.

Mengenai bai`ah tersebut telah diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah (R.A.) bahawa beliau telah berkata :

"Kami berkata, wahai rasulullah di atas perkara apakah kami berbai`ah.

Sabda Rasulullah (s.a.w) : " *Kamu berbaiah kepadaku untuk dengar dan taat ketika cergas dan malas, Menafkahkan harta ketika senang dan susah, melaksanakan amar makruf dan nahi munkar, kamu melaksanakan tanggungjawab kerana Allah dengan tidak takut kepada celaan orang yang mencela dan untuk menolongku, mempertahankanku sekiranya aku datang kepada kamu sebagaimana kamu mempertahankan diri kamu anak-anak kamu dan isteri-isteri kamu dan bagi kamu syurga".*[12]

Dengan bai`ah ini rasulullah (s.a.w.) telah menyediakan tapak kepada sebuah kerajaan yang akan mempertahankannya walaupun melalui peperangan.

3. Melakukan *Tajmi'*[13] dan Memelihara Keselamatan Ummah

Usaha mengumpul rijal dan membentuk mereka adalah suatu seni dan memelihara mereka adalah suatu siyasah.

Rasulullah (s.a.w) menyedari selepas dua tahun mengiklankan dakwah bahawa baginda tidak mampu untuk memelihara pengikutnya daripada ujian yang menimpa mereka, Pimpinan Quraisy semakin hari semakin ganas tindakan mereka, sekiranya keadaan ini berterusan sudah pasti rijal dakwah akan musnah dan akan menyekat pertambahan asas-asas rijal yang akan menjadi tunggak dan tentera kepada daulah yang ditunggu-tunggu.

Lantaran itu rasulullah (s.a.w) telah mengatur 5 strategi.

1. Memelihara rahsia gerakannya dipermulaan dakwah .
2. Menggerakkan para pendakwah yang berkemampuan untuk melakukan dakwah dan tajmi', seperti ; Abu Bakar al-Siddiq dan Mus`ab bin Umair.(R.A.)
3. Menumpukan dakwah kepada tokoh-tokoh yang berkemampuan; dan berdoa agar mereka memeluk Islam, seperti Omar al-Khattab.(R.A.)
4. Berhijrah ke Habsyah bagi memelihara teras-teras dakwah.
5. Menghantar para sahabat agar pulang kepada Qabilah mereka dipendalaman.; Abu Zar, Tufail, dan Dhamad al-Azdi (R.A.) dari Yaman.

4. Hijrah ke Madinah dan Mengasaskan Daulah

Rasulullah (s.a.w.) telah melakukan beberapa perkara penting bagi mengasaskan pembentukan kerajaan Madinah antaranya :

1. Melakukan Bai`ah Aqobah pertama dan kedua.
2. Berhijrah ke Madinah apabila keadaan telah bersedia.
3. Mempersaudarakan di antara al-Muhajirin dan al-Ansor.
4. Mengadakan perjanjian dengan pendduduk Madinah dengan memetrikan Piagam Madinah.
5. Membina Masjid sebagai tempat ibadah dan pusat pemerintahan.

6. Membentuk pasukan tentera.

7. Menghantar pasukan sariyah di sekitar Madinah.

8. Mewujudkan pasukan *hirasah*[14] yang memelihara keselamatan rasulullullah (s.a.w.)

9. Mewujudkan pasar untuk umat Islam.

5. Penyempurnaan Sistem Pemerintahan dan Perundangan.

Dengan perpindahan rasulullah (s.a.w.) ke Madinah maka sempurnalah unsur-unsur Kerajaan Islam dan bertepatan sebagaimana definasi sesebuah kerajaan dalam pentakrifan undang-undang perlembagaan moden.

Malah kerajaan Islam mula melaksanakan tugasnya sebagai sebuah kerajaan, daripada memelihara kebajikan rakyat, menyusun urusan pendidikan, menyusun urusan kewangan, melakukan perjanjian-perjanjian dengan kerajaan luar, mengutuskan duta-duta kenegara jiran melantik para umara' dan sebaginya.

Apabila dilihat kepada definasi sesebuah kerajaan moden maka di dapati ianya menepati Kerajaan Islam Pertama ini iaitu:

1. Mempunyai bumi yang menjadi tempat kediaman dan dapat mempertahankan mereka daripada serangan musuh.

2. Wujudnya sekumpulan masyarakat manusia yang mendiami iklim tertentu yang mempunya tujuan yang sama.

3. Wujudnya kekuasaan politik yang menguasai masyarakat dan menyusun pentadbiran kehidupan masyarakat, ketenteraan dengan diikat diatas satu persefahaman yang tertulis iaitu Perlembagaan Madinah.

Pengagihan Kuasa dan Tanggungjawab Di Zaman Rasulullah (s.a.w).

Sesiapa yang memerhatikan sistem pemerintahan di zaman rasulullah (s.a.w.) akan mendapati bahawa ianya tertegak di atas asas pengagihan kuasa dimana rasulullah (s.a.w.) sentiasa bermesyuarat dengan para sahabat dalam perkara-perkara yang tiada nas.

Firman Allah maksudnya: " *maka dengan Rahmat daripada Allah, lembutlah kepada mereka, sekiranya kamu kasar dan keras hati nescaya mereka berpecah meninggalkan kamu, maka maafkanlah mereka, beristighfarlah untuk mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan kamu, maka apabila kamu telah berazam, maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi hambanya yang bertawakkal"* **[21]**

Islam mengiktiraf dan memerintahkan amalan syura di dalam pemerintahan negara, ini bermakna Islam telah menghormati kuasa dan pendapat orang ramai dan kebebasan mereka malah Islam mengambil kira hak-hak kebendaan, maknawi dan akal fikiran mereka.

Firman Allah s.w.t. maksudnya : " *dan urusan mereka dilakukan dengan mermesyuarat dikalangan mereka"*.[22]

Inilah juga uslub rasulullah (s.a.w.) dalam pemerintahan sehingga baginda (s.a.w.) menegaskan bahawa :

" Tidaklah sesutu kaum itu bermesyuarat di antara mereka dalam urusan mereka melainkan Allah akan menunjukkan kepada mereka yang terbaik terhadap permasalahan mereka" dalam riwayat yang lain " melainkan Allah kurniakan kepada mereka keazaman kepada petunjuk atau yang terbaaik".[23]

Rasulullah (s.a.w.) bermesyuarat dengan semua rakyatnya, kerana baginda selalu bersabda:

" Berikanlah pandangan kamu kepadaku wahai sekelian manusia"[24]

Contohnya:

1. Mesyuarat sebelum peperangan Badar.
2. Mesyuarat mengenai tawanan Badar sebelum turunnya hukuman mengenai tawanan.
3. Mesyuarat dalam menentukan medan peperangan Uhud.
4. Mesyuarat rasulullah saw mengenai azan.
5. Mensyuarat Rasulullah (s.a.w.) dalam peperangan Khandak.

Rasulullah saw juga bermesyuarat dengan wanita dan mengambil pandangan mereka.[25]

Begitu juga rasulullah (s.a.w.) melarang umatnya daripada berdiam diri terhadap kemungkaran dan kesilapan:

Sabda rasulullah (s.a.w.) maksudnya:

" Sesiapa dikalangan kamu yang melihat kemungkaran hendaklah diubahnya dengan tangannya, maka sekiranya dia tidak mampu ubahkanlah dengan lidahnya dan sekiranya dia tidak mampu ubahlah dengan hatinya, yang demikian itu selmah-lemah iman"[26]

Melalui nas-nas syarak ini dan amalan rasulullah (s.a.w.) para ulama telah membuat kesimpulan mengenai kekuasaan dalam Islam iaitulah kewajiban syura kepada pemerintah dan kewajiban amar makruf dan nahi munkar kepada ummah.

Ibnu `Atiyyah berkata: Syarak mewajibkan mesyuarat kepada pemerintah dan syura merupakan asas-asas syari`ah dan kemestian dalam hukuman, maka sesipa yang tidak bermesyuarat dengan ahli ilmu dan agama maka memecatnya adalah wajib, perkara ini tidak ada khilaf padanya"[27] Ini juga merupakan pendapat Al-Qadi Ibnu Al-Arabi al-Maliki[28] dan Al-Jassas al-Hanafi.[29]

Pentadbiran Kerajaan Nubuwwah.

Dalam kerajaan Islam pertama Rasulullah (s.a.w.) merupakan ketua negara yang memiliki kuasa perundangan, kuasa eksekutif dan pemegang kuasa kehakiman. Walaupun begitu rasulullah (s.a.w.) telah membahagi-bahagikan beberapa tugas dan peranan kepada beberapa orang sahabat yang dianggap sebagai wazir atau menteri.

Menteri-menteri.

Antara para menteri rasulullah saw ialah; Hamzah bin Abdul Muttalib, Jaafar bin Abdul Muttalib, Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, Ali bin Abu Thalib, Al-Hasan dan al-Husain bin Ali, Abdullah bin Mas`ud, Salman al-Farisi, Ammar bin Yasir, Huzaifah al-Yaman, Abu Zar al-Ghifari, Bilal al-Rabah dan Mus`ab bin Umair. (R.A.a.)

Setiausaha.

Antara setiausaha rasulullah saw ialah; Zaid bin Sabit, Ubay bin Ka`ab (menulis wahyu) Abdullah bin al-Arqam al-Zuhri (menulis surat) dan Khalid bin Said bin al-As dan Sabit bin Qais jika ketiadaan Abdullah dan Zaid bin Sabit. (ra.a.)

Setiausaha Sulit.

Rasulullah saw juga mempunyai seseorang yang menyimpan amanah beliau iaitu Huzaifah bin Al-Yaman.(R.A.)

Pengganti Rasulullah ketika ketiadaannya di Madinah.

Apabila rasulullah saw keluar daripada Madinah sama ada untuk berperang dan sebagainya baginda akan melantik seorang peganti beliau bagi mentadbir urusan Madinah. Antara mereka ialah; Abu Lubabah, Abdullah bin Ummu Maktum, Bishr bin Munzir, Usman al-Affan, Namilah bin Abdullah, Muhammad bin Maslamah, Abu Dujanah dan lain-lainnya. (ra.a.)

Peguasa Wilayah.

Bagi mengganti baginda mentadbir wilayah-wilayah Islam dizaman rasulullah saw , baginda telah melantik para wali atau gabnor antaranya seperti; di Yaman, dilantik Bazan, di Hadralmaul Amru bin Hazam, di Najran Khalaid bin Said bin al-As di antara Najran dan Rafa' Amir bin Syahr, di Hamdan Syahr bin Bazam, di San`a' dan di Ma'rib Abu Musa al-As`ari. (R.A.a.)

Manakala Muaz bin Jabal (R.A.) menjadi guru di seluruh Yaman dan Hadralmaut.

Di Mekah, `Itab bin Usaid dan Daus, Sa`ad bin Abi Ziab diTaif, Saad bin Abdullah di Bahrain Al-`Ala' bin al-Hadrami dan Abdullah bin Suwar di Khurasan, Abdul Rahman bin Abzi al-Khuza`i (R.A.a.)

Di Najran, Amru bin Hizam al-Ansori (R.A.)

Pemantauan Tugas Gabnor.

Al-Bukhari meriwayatkan , Daripada Abi Hamid al-Si`idi katanya : Rasulullah (s.a.w.) telah melantik seorang lelaki bani Asad yang dipanggil Ibnu al-Latbiah, untuk urusan Zakat: Apabila beliau datang kepada rasulullah saw dia berkata: Ini untuk kamu dan ynag ini hadiah kepadaku lalu rasulullah saw bangun di atas minbar dan memuji Allah dan bersabda: *Apakah diingat oleh seorang `amil yang kami lantik lalu dia datang dan berkata: ini untuk engkau dan yang ini untuk aku, Adakah sekiranya dia duduk dirumah ibunya dan bapaknya, maka lihatlah adakah akan diberi hadiah kepadanya atau tidak*..?[30]

Diplomat

Diamping memelihara kemaslahatan ummah Islamiah baginda juga merupakan tuan punya dakwah dan risalah, lantaran itu di dapati rasulullah saw mempunyai hubungan antara kaum dan antarabangsa.

Lantaran itu baginda memilih dikalangan sahabatnya yang berkelayakkan dan berkemampuan yang diambilkira sehinggakan kepada rupa paras dan jiwa. Untuk urusan ini rasulullah (s.a.w.) memilih seorang yang, fasih lidahnya, akal yang bijak, kuat hujjah dan pantas, rupa yang baik dan penampilan yang mengkagumkan.

Contohnya : Dahiah al-Kalabi (R.A.) yang diutuskan kepada Qaisar, seorang yang tampan dan fasih.

1. Utusan kepada al-Najashi, Habsyah, Amru bin Umayyah al-Dhumairi (R.A.).
2. Utusan Kepada Hercules, Rom, Dahiah bin Khalifah al-Kalabi (R.A.).
3. Utusan Kepada Meqauqus Qibti, Mesir, Hatib bin Abi Balta`ah. (R.A.)
4. Utusan kepada Kisra, Farsi, Abdullah bin Huzafah (R.A.)
5. Utusan ke Raja Amman, `Amru bin al-As. (R.A.)

Ketenteraan.

Rasulullah (s.a.w.) juga telah memperlengkapkan ketenteraan dengan seni peperangan, mempelajari menggunakan senjata dan ujian bagi memilih yang berkelayakan.

Memilih pimpinan tentera.

Rasulullah saw memimpin sendiri 28 peperangan.

Disamping itu rasulllah (s.a.w.) juga memilih ketua-ketua tentera tertentu:

1. Hamzah bin Abdul Muttalib (R.A.), ketua Sariah untuk menawan kafilah Quraisy.
2. Ubaidah al-Haris (R.A.), ketua sariah kepada perdagangan Quraisy.
3. Saad bin Abi Waqqas (R.A.), ke jalan Mekah dan Syam.

Panglima dan Pemegang Bendera Perang.

Ali Abu Talib (R.A.) dan Umairah bin Hasyim (R.A.), pemegang bendera al-Muhajirin Saad bin Abi Qaqqas (R.A.), memegang bendera al-Ansor . Mus`ab bin Umair (R.A.), memegang bendera umum di Badar dan Uhud.

Jaafar bin Abi Talib, Abdullah bin Rawahah dan Khalid al-Walid (R.A.a.) , Pemimpin peperangan Mu'tah.

Omar AL-Khattab (R.A.), memimpin tentera memerangi Hawazin.

Industri dan Strategi Peperangan.

Dizaman rasulullah (s.a.w.) terdapat perbagai senjata dan strategi peperangan diambil yang tidak pernah diketahui oleh orang-orang Arab sebelumnya iaitu seperti:

Menggali Khandak (parit) yang digunakan di Farsi. Membuat Manjanik (lastik besar) dan membuat kereta perisai dalam memerangi Taif.

Kawalan Dalam Negeri.

Dilakukan secara sukarela dan tersusun.

Pendidikan

Terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pendidikan dizaman rasulullah (s.a.w) antaranya:

· Sistem nuqaba'

· Mengajar di Masjid.

· Mengajar antara qabilah yakni sesuatu qabilah belajar dengan qabilah lain

· Pengajian khas untuk kaum wanita.

· Menjadikan tawanan sebagai guru

· Mengutuskan kumpulan ulama Katibah Ulamak ke kawasan-kawasan Islam.

· Pengajaran kepada jiran.

Rawatan Perubatan.

Doktor-doktor di zaman rasulullah (s.a.w) ialah Rasulullah (s.a.w.) sendiri dan, Aisyah (R.A.)

Antara yang merawat kecederaan; Rufaidah al-Ansoriah al-Aslamiah, Ka`ibah binti Saad, Laila al-Ghifariah, Muazah al-Ghifariah, Ummu Aiman dan Ummu Sinan al-Aslamiah.(R.A.a.)

Kuasa Perundangan dan Kehakiman.

Perundangan dizaman rasulullah (s.a.w) hanyalah Kepada Allah dan Rasulnya.

Hakim di Zaman Rasulullah.

Antara hakim-hakim dizaman rasululllah (s.a.w.) Umar Al-Khattab, Ali bin Abi Talib, Muaz bin Jabal, Abu Musa al-Ashari dan `Itab bin Usaid. (R.A.a.)

Kediaman Tetamu (Hotel).

Sebagai memuliakan tetamu daripada luar Madinah sama ada dikalangan umat Islam atau lainnya, rasulullah (s.a.w.) telah menyediakan khemah untuk penginapan tetamu tersebut. Selain tenpat penginapan mereka juga dijamu dengan makanan dan bekalan hadiah ketika berangkat pulang.

Penutup.

Semuga dengan huraian ringkas mengenai siyasah syar`ieyyah ini akan menjadikan pembuka jalan kepada pembaca sekelian bagi mendalami lagi persoalan pemerintahan dalam Islam. Ilmu berkenaan siyasah syar`ieyyah ini bukanlah hany terpakai dalam kerajaan semata-mata bahkan amat perlu diperaktikkan dalam mentadbir apa juga organisasi supaya bertepatan dengan tujuan syarak.

[1] Lihat Surah ,al-An`am; ayat 125 dan Surah Sad ayat 26.
[2] Lihat Surah al-Anbiya ayat 78 dan al-Naml ayt 15-44.
[3] Lihat Surah Yusuf ayt 56, dan al-Kahf, ayat 84.
[4] Lihat surah al-Anbiya, ayat 107.
[5] Dr. Fathi Abd.Karim, *Al-Daulah Wa al-Siadah*, Maktabah Wahbah, m.s.151
[6] Anutannys
[7] ketaatan dan kasih-sayang
[8] Riwayat Al Bukhari, lihat juga Seerah Ibnu Katsir.
[9] Rijal ialah manusia yang memiliki sifat-sifat kelelakian yang sebenar berani, benar, gagah, bertanggungjawab dan sebagainya.
[10] Seerah Ibnu Hisyam.
[11] Ibnu Katsir: Seerah Nabawi.

[12] Ibn Hajar, Fath al- Bari.
[13] Tajmi' : menyatukan umat Islam atas asas persaudaraan dan saling tolong menolong
[14] Pengawal
[15] `Aqilah ialah dasar takaful antara ahli qabilah bagi melangsaikan bebanan membayar diat dalam hukuman membunuh tanpa niat.
[16] Al-Ghazali; *al Iqtisad fi al I'tiqad*, Mesir , Percetakan al Mahmudiah.
[17] Surah Yusuf; ayat 55.
[18] Surah al-Baqarah, ayat 247.
[19] Riwayat al-Hakim, lihat juga Ibnu Taimiah, *Siyasah Syar`ieyyah*
[20] Al-Bukhari.
[21] Surah Ali Imran, ayat 159.
[22] Surah al-Syura, ayat 38.
[23] Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Fathul Bari*
[24] Al-Tirmizi.
[25] Ibnu Qutaibah, *Uyun al-Akhbar*
[26] Al-Tabrani, Al-Hakim dan katanya sanadnya soheh.
[27] Abdul Hak bin Ghalib bin `Atiyyah al-Andalusi, *Al-Muharrar Al-Wajiz Fi Tafsir Al-Kitab Al-`Aziz*, Tahqiq Abdullah Al-Ansori
[28] Ibnu Al-Arabi, *Badai' al-Suluk Fi Tabai' al-Muluk*.
[29] Al-Jassas, *Ahkam al-Quran*
[30] Fathul Bari